

Jilid I
Bil. 37



Hari Khamis
2hb Disember, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4767]

USUL-USUL:

**Jawatankuasa Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO)—
Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 4803]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981 dan Anggaran
Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982 [Ruangan 4823]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4868]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) [Ruangan 4809]

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2)
[Ruangan 4816]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

.. Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN
HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI
AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu)
- .. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM,
D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM
(Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri, DATO MOHAMAD BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,
P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI,
D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN,
D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG
TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S.,
K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW
SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI
ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K.,
K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE
E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J.
(Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A. S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARONS (LABIS).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- .. TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N. P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- .. DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- .. TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- .. TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

TANAH YANG TERBIAR

1. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau dalam mengusahakan tanah-tanah terbiar yang banyak di negara ini sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah seolah-olah sama dengan soalan yang telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini dalam minggu yang sudah dan jawapan saya pada ketika itu sudah begitu panjang lebar. Oleh hal yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah tambahan terhadap pertanyaan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sum.

(*Soalan No. 2 Y.B. Dato Michael Chen Wing Sum tidak hadir.*)

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, soalan ketiga.

Timbalan Yang Dipertua: Menurut peraturan, akan dijawab kemudian sekiranya ada masa.

(*Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir.*)

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.

(*Soalan No. 4 Y.B. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad tidak hadir.*)

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Yeoh Poh San.

(*Soalan No. 5 Y.B. Tuan Yeoh Poh San tidak hadir.*)

TANAH PADI DI KELANTAN

6. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah keluasan tanah padi di Kelantan yang diusahakan dan berapa banyakkah hasil pengeluaran padi di Kelantan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang Dipertua, jumlah keluasan padi yang diusahakan di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

| | |
|----------------|---------------|
| Musim Utama .. | 59,600 hektar |
| Padi Huma .. | 1,150 hektar |
| Luar Musim .. | 21,870 hektar |

Hasil pengeluaran padi di Kelantan tiap-tiap tahun adalah dianggarkan seperti berikut:

| | |
|----------------|-------------|
| Musim Utama .. | 145,909 tan |
| Padi Huma .. | 1,687 tan |
| Luar Musim .. | 73,942 tan |

PEJABAT IMIGERESEN DI KLUANG

7. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bandar Kluang letaknya di tengah-tengah negeri Johor, mengapa tidak ada Pejabat Imigeresen untuk kemudahan penduduk-penduduk di sini dan di sekelilingnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, buat masa sekarang Kerajaan belum lagi bercadang untuk membuka sebuah Pejabat Imigeresen di Kluang. Kerajaan berpendapat Pejabat-pejabat Imigeresen yang ada sekarang iaitu sebanyak 9 buah di seluruh negeri Johor adalah memadai.

Walau bagaimanapun untuk perancangan jangka panjang, Kerajaan mempunyai rancangan untuk membuka sebuah pejabat di bandar tersebut.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa Pejabat Imigeresen merupakan pejabat yang paling sibuk sepanjang musim terutamanya ketika menghadapi cuti-cuti panjang persekolahan. Mengikut jawapan daripada pihak yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa setakat ini belum ada rancangan untuk membuka Pejabat-pejabat Imigeresen di beberapa tempat untuk menambah yang telah ada. Jadi soalan saya, adakah Kementerian ini bercadang

untuk membuka cawangan-cawangan di daerah-daerah ataupun di kawasan-kawasan yang boleh membantu mengurangkan kesibukan bukan sahaja di Keluang, Johor, tetapi di seluruh negara.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soalan yang berbangkit ialah soalan mengenai Keluang, Johor dan saya telah menyatakan berhubung dengan Johor, bahawa kita sudah ada mempunyai 9 buah Pejabat Imigeresen dan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah soalan yang berkaitan dengan seluruh Malaysia. Jadi, pihak kami, mengenai seluruh Malaysia sedang mengkaji dari semasa ke semasa dan jikalau perkara ini benar-benar memerlukan, maka pertimbangan yang saksama akan diambil.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang Dipertua, tadi Timbalan Menteri menyatakan sudah ada 9 buah Pejabat Imigeresen di negeri Johor, tetapi saya tahu Keluang satu bandar yang besar. Saya ingin hendak tahu di atas apa asas Kementerian ada mengadakan satu-satu Pejabat Imigeresen di bandar-bandar seluruh negara. Saya ingin hendak tahu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pertama saya perkatakan tadi bahawa kita sudah ada mempunyai 9 buah pejabat di Johor.

Yang Kedua, sebenarnya segala penyelenggaraan tugas dapat kita kelolakan di Batu Pahat, bagi menyempurnakan kehendak-kehendak orang-orang yang berada, di Kluang. Saya rasa, tidak begitu jauh Batu Pahat dengan Kluang dan saya juga berkata tadi bahawa jikalau kita suatu masa nanti mendapati bahawa sesuai untuk kita menubuhkan satu jabatan lagi di Kluang, insya Allah, kita akan laksanakan dan saya rasa jawapan saya tadi sudah jelas bahawa,

mengikut perancangan jangka panjang, persoalan ini, akan kita fikirkan.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bandar Kluang di atas, di tengah-tengah negeri Johor. Saya tidak faham apa sebab Kerajaan tidak letak satu Ibu Pejabat Imigeresen di Kluang, apa sebab ada satu di Batu Pahat, ada satu di Mersing kerana kalau ada satu Pejabat Imigeresen di Kluang senang, orang di Batu Pahat boleh datang ke Kluang, orang Mersing boleh datang ke Kluang, orang Segamat boleh datang ke Kluang; lagi senang. Mereka tidak payah, kalau dari Mersing mereka terus pergi ke Batu Pahat atau Johor Bahru

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya duduk di Batu Pahat, Yang Berhormat!

Tuan Quah Wee Liam: Maafkan saya, Tuan Speaker, tetapi saya ingin hendak tahu apa cara, apa asasnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat tadi, yang membangkitkan sekali lagi, soalan itu dan suka saya menyatakan bahawa kita pandang juga dari segi workload yang kita terpaksa pikul dan pada hemat kita, workload yang ada di sini tidak sebegitunya, memandangkan mereka boleh pergi ke Mersing dan juga boleh pergi ke Batu Pahat.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Kim.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Seow Hun Kim tidak hadir).

JALAN RAYA DI KAWASAN PERKAMPUNGAN ATAU PEKAN KECIL

9. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar masih terdapat kawasan-kawasan perkampungan atau pekan kecil yang masih belum mempunyai jalan raya, walaupun kawasan-kawasan perkampungan atau pekan-pekan kecil ini telah wujud sejak sebelum merdeka lagi; dan
- (b) jika ya, sama ada beliau mempunyai sesuatu matlamat tertentu apabila kawasan-kawasan perkampungan atau pekan-pekan kecil yang dimaksudkan itu akan dibuat jalan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak tepat jika dikatakan masih terdapat kampung-kampung dan pekan-pekan kecil yang tidak mempunyai jalan. Tetapi adalah tepat jika dikatakan bahawa masih terdapat kampung-kampung dan pekan-pekan yang tidak mempunyai jalan-jalan yang baik taraf mereka.

Pada masa ini Kerajaan telah dan sedang melaksanakan 2 jenis program jalan iaitu Program Jalan-jalan Luar Bandar dan Program Menaikkan Taraf semua Jalan-jalan Kampung ke Jalan Tar yang meliputi semua negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Program Jalan-jalan Luar Bandar ini ialah program pembinaan jalan-jalan baru yang bertujuan untuk menyediakan jalan sokongan (supporting roads) kepada rancangan-rancangan ataupun kawasan-kawasan pembangunan di luar bandar, manakala Program menaikkan Taraf

Jalan-jalan Kampung pula ialah satu program untuk mengetarkan jalan-jalan tanah biasa dan jalan-jalan tanah merah yang sedia ada.

Memanglah menjadi matlamat Kerajaan untuk menaikkan taraf semua jalan-jalan kampung yang sedia ada dan yang telah pun dibanci ke jalan tar menjelang tahun 1990.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak \$1.2 ribu juta bagi menaikkan taraf sejauh 23,601 kilometer jalan-jalan kampung yang terdiri daripada jalan-jalan tanah biasa dan jalan-jalan tanah merah.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah pun menyediakan sebanyak \$608 juta untuk program tersebut dan pada tahun 1983 nanti peruntukan bagi menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang telah diluluskan oleh Kerajaan ialah sebanyak \$60 juta. Kerajaan juga akan meneruskan pembinaan jalan-jalan baru di bawah Program Jalan-jalan Luar Bandar bagi menyediakan jalan-jalan sokongan kepada rancangan-rancangan pembangunan ataupun kawasan-kawasan pembangunan di luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kempat, Kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak \$569.5 juta dan peruntukan bagi tahun 1983 yang telah diluluskan ialah sebanyak \$134.5 juta.

Kerajaan akan seterusnya mengkaji keperluan jalan-jalan luar bandar ini, dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat bagi mengesan dan mengenalpasti projek-projek yang akan dilaksanakan di samping menimbangakan peruntukan kewangan yang diperlukan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan ada ura-ura

rancangan Kerajaan menaikkan jalan Luar Bandar ke taraf jalan JKR. Soalan saya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adakah perkara ini benar dan jikalau benar bilakah masanya dan pada tahun berapakah yang akan dimulakan nanti?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat sebab penjelasan saya tadi saya fikir sudah terang iaitu ada hanya 2 program. Pertama, program jalan-jalan luar bandar iaitu pembinaan jalan baru di luar bandar. Program yang kedua ialah menaikkan taraf semua jalan-jalan kampung yang sedia ada, mengetarkan jalan-jalan yang sedia ada.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar masih ramai lagi penduduk-penduduk di luar bandar menggunakan sejenis jambatan gantung yang menyambung dua batang jalan di luar bandar dan kalau sedar, apa rancangan untuk menggantikan jambatan gantung itu dengan jambatan tetap kerana pada masa dahulu penduduk-penduduk di luar bandar itu hanya menggunakan jambatan gantung itu sebagai jalan untuk lalulintas jalan kaki tetapi sekarang kalau gunakan jambatan gantung itu untuk motosikal sangat merbahaya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, walaupun soalan ini keluar sedikit daripada soalan yang asal, sukalah saya menjawabnya.

Sebagaimana saya terangkan tadi memanglah menjadi matlamat Kerajaan untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung dan juga membina jalan-jalan luar bandar termasuklah jambatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini terpujanglah

kepada Pejabat Daerah masing-masing untuk mengemukakan permohonan tersebut.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawatan Setiausaha Parlimen tadi, saya mengucapkan terima kasih kerana 2 program jalan untuk kemudahan orang-orang kampung ataupun luar bandar.

Saya ingin bertanya, pada masa yang sudah ini di dalam kawasan saya sendiri memang sudah sedia dibina menaikkan taraf jalan kampung yang ditarkan tetapi ada di antaranya yang tidak siap hanya setengah sahaja dibina tetapi setengah lagi terbiar

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalnya apa?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Itu soalnya. Mengapa dibuat setengah sahaja tidak disiapkan sekali. Yang kedua, dari segi pengawasan siapakah yang bertanggungjawab menjaga pengawasan jalan yang sudah ditar begitu baik tetapi didapati kenderaan-kenderaan yang berat seperti lori dan sebagainya menggunakan jalan itu sehinggakan jalan itu terlalu cepat rosak. Jadi, kalau dijaga dengan baik saya rasa apa yang dibuat ini adalah akan merugikan balik kepada rakyat.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan yang pertama itu saya benarkan, bukan soalan yang kedua itu—ada keluar sedikit daripada soalan yang asal.

Yang Berhormat, sila menjawab soalan bahagian (1).

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan yang pertama sahaja, itu terpulanglah kepada peruntukan yang telah pun diluluskan bagi kawasan Yang Berhormat. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, pembinaan jalan bergantung semata-mata kepada kewangan yang ada, jika kita ada wang yang banyak,

kita boleh buat jalan yang besar; kalau kita ada wang sedikit, kita buat jalan yang kecil sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa bagi tahun 1983 ada diperuntukkan sebanyak \$134.5 juta untuk meningkatkan taraf jalan-jalan luar bandar ke jalan yang lebih baik. Apakah daripada peruntukan itu juga termasuk untuk memperbaiki jalan-jalan luar bandar dalam kawasan Rantau Panjang, sebab beratus-ratus kilometer jalan tanah merah yang ada di dalam kawasan saya, kalaulah dianggap kawasan saya sebagai kawasan Pembangkang, tetapi dalam kawasan itu juga ada kawasan Barisan Nasional Peringkat Negeri?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan \$134.5 juta telah diluluskan oleh Kerajaan ialah untuk pembinaan jalan-jalan luar bandar dan sebanyak \$60 juta juga telah diluluskan ialah untuk meningkatkan taraf semua jalan-jalan kampung yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini termasuklah juga kawasan-kawasan Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian hanya menjalankan rancangan pembinaan, jika ada pass, maknanya lulus atau diluluskan kita akan terus membinanya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya datang daripada Ulu, saya tengok banyak jalan-jalan dan J.K.R. dalam kawasan yang musnah, rosak dan hancur dan Alhamdulillah melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendak introduce jalan luar bandar ataupun jalan-jalan kampung. Soalan saya berapakah harga 1 km jalan itu dan keduanya bagaimana cara

Kementerian hendak mengurangkan kerosakan seperti mana yang telah berlaku kepada jalan-jalan J.K.R. dalam kawasan saya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mendapat notis untuk menjawab berapakah harga bagi 1 km jalan-jalan kampung yang akan dibina itu. Tetapi untuk menjawab bahagian kedua soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu, untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, selepas sesebuah jalan itu dinaikkan tarafnya ke taraf yang lebih baik dan elok dan ditarkan, maka selama tiga tahun Kerajaan tidak ada peruntukan untuk menjalankan penyelenggaraan ke atas jalan itu. Ini bermakna terpulanglah kepada penduduk-penduduk yang menggunakan jalan tersebut. Jika jalan tersebut didapati rosak inilah pihak Kerajaan meminta kerjasama daripada penduduk-penduduk di luar bandar supaya mereka bergotong-royong dengan sendirinya untuk membaiki jalan-jalan itu.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu biasanya di sesuatu daerah, berapakah batang jalan-jalan kampung atau berapa kilometer jauhnya akan dinaikkan taraf dalam satu-satu tahun dan apakah kriteria sesuatu jalan luar bandar itu dipilih dinaikkan tarafnya?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya fikir itu perlu beri notis—beri peluang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyatakan Kementerian itu bercadang dan telah pun merancang bahawa seluruh jalan luar bandar di

seluruh negara akan ditarkan. Jadi apakah taraf jalan-jalan tar itu mengikut kelas, sama ada Kelas 1, Kelas 2 atau Kelas 3?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk menjawab soalan itu.

Timbalan Yang Dipertua: Soalan yang terakhir, Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi berkenaan jalan-jalan kampung yang akan ditarkan, saya dapati di masa-masa yang lepas jalan-jalan kampung yang telah pun dibina telah menimbulkan beberapa masalah oleh sebab yang pertamanya pada masa yang lalu jalan-jalan tersebut adalah terlalu sempit iaitu hanya 6 kaki lebar dan tidak ada dibuat 'side table' dan bagi setengah-setengah jalan tersebut kawalan pembinaannya tidak begitu rapi dan ini menyebabkan mutu jalan-jalan tersebut adalah sangat rendah dan akibatnya. Tuan Yang Dipertua, jalan-jalan tersebut sudahpun rosak sungguhpun baru sahaja dibina. Soalan saya, apakah rancangan pihak Kementerian untuk memperbaiki lagi mutu jalan-jalan tersebut dan juga untuk membinakan jalan-jalan yang lebih selesa dan lebih besar bagi penduduk-penduduk luar bandar?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah jalan-jalan kampung itu yang tarafnya dinaikkan, yang ditarkan tidak mempunyai side table, kadangkala terdapat jalan-jalan kampung itu hanya lebarnya 6 kaki, ada kalanya pula 10 kaki, ada kalanya kurang daripada 5 kaki. Keadaan ini terpulanglah kepada Pegawai-pegawai Daerah untuk menggezetkan jalan-jalan itu dan membuat syarat-syarat

kegunaannya kepada kenderaan-kenderaan yang ringan sahaja sebab sebagaimana yang kita semua sedia maklum ini ialah "jalan-jalan kampung" sahaja.

SELOGAN "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan dengan selogan "Bersih, Cekap dan Amanah" apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mencapai tujuan selogan tersebut dan berapa ramaikah pegawai-pegawai Kerajaan dan separuh Kerajaan yang telah diambil tindakan disiplin kerana menyeleweng daripada selogan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan selogan "Bersih, Cekap dan Amanah" adalah hampir sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 12-11-1982 dan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar pada 29-11-1982 yang mana jawapannya telah pun saya beri secara panjang lebar dan saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan.

Timbalan Yang Dipertua: Baiklah.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, boleh saya buat soalan tambahan kerana pada ketika itu saya tidak berpeluang untuk mengemukakan soalan tambahan.

Timbalan Yang Dipertua: Boleh.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Jadi berdasarkan kepada selogan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan konsep terbuka, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah tulisan-tulisan yang

terdapat di pintu masuk bilik Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan seperti "Dilarang Masuk Tanpa Kebenaran" ataupun "Tidak Dibenarkan Masuk Tanpa Kebenaran" kepada perkataan "Dipersilakan Masuk Dengan Urusan". Kalau ada, bilakah agaknya Surat Pekeliling mengenai arahan mengubah perkara ini akan dikeluarkan, dan kalau tidak, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan berpendapat bahawa tulisan-tulisan yang ada pada masa ini masih sesuai digunakan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kita tidak ada apa-apa cadangan hendak mengubah tulisan-tulisan yang diletakkan di hadapan pintu bilik pegawai-pegawai yang "melarang orang masuk ataupun tak boleh masuk tanpa kebenaran", tetapi jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada cadangan seperti yang disebutkan tadi lebih baik daripada apa yang ada sekarang, ini bolehlah kita pertimbangkan.

SISTEM 3M—HASIL PELAKSANAAN

11. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan hingga setakat ini sejauh mana tercapainya hasil pelaksanaan sistem 3M, jika dapat minta terangkan berapa peratus boleh membaca, berapa peratus boleh menulis, dan berapa peratus boleh mengira pada keseluruhannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, dalam pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Kementerian Pelajaran menjalankan pengendalian dan penilaian berterusan. Penilaian pencapaian yang lengkap dan menyeluruh akan diadakan pada akhir satu-satu tahap

iaitu selepas tiga tahun persekolahan. Namun demikian, satu ujian pencapaian murid dalam kemahiran asas 3M yang melibatkan 76 buah sekolah dan 1,763 orang murid yang telah mengikuti Kurikulum Baru Sekolah Rendah sepanjang tahun 1982 telah dijalankan pada penghujung Penggal Ketiga yang lalu. Berdasarkan kepada ujian yang tersebut didapati peratusan murid yang boleh membaca, menulis dan mengira pada peringkat pembelajaran tahun satu seperti yang telah ditetapkan mengikut Buku-buku Panduan Guru ialah seperti berikut:

Dalam kemahiran membaca purata pencapaian sekolah-sekolah bandar ialah 79%. Purata pencapaian sekolah-sekolah luar bandar 70.3%.

Dalam kemahiran menulis purata pencapaian sekolah-sekolah bandar ialah 70%. Purata pencapaian sekolah-sekolah luar bandar 56%.

Dalam kemahiran mengira purata pencapaian sekolah-sekolah bandar ialah 82%. Purata pencapaian sekolah-sekolah luar bandar 75%.

Nyatalah hasil ujian ini menunjukkan kesan yang positif.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Adakah dengan wujudnya begitu ramai murid-murid dalam sesebuah darjah dan kerana terdapat kekurangan bilik darjah, sama ada Kerajaan yakin sistem 3M boleh dilaksanakan di semua sekolah pada tahun depan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan bahawa mengenai persiapan, dan perkara yang berkaitan dengan persediaan pelaksanaan dan sebagainya Kementerian telahpun menjawab persoalan yang demikian di dalam Dewan yang mulia ini. Persoalan yang saya jawab kali ini ialah mengenai pencapaian murid.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat tahu mengikut apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri Pelajaran tadi terdapat pencapaian yang berbeza di antara sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah dalam bandar. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlaku demikian dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan daripada berlakunya pencapaian yang berbeza itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, memang wujud jurang perbezaan pencapaian di antara murid-murid di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Ini adalah disebabkan oleh perbezaan latarbelakang sosio ekonomi keluarga, pendedahan murid itu kepada suasana sekitar dan juga kemudahan-kemudahan yang ada pada sekolah itu sendiri.

Bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pelajaran adalah sentiasa meneliti keadaan yang wujud ini dan sedang menjalankan langkah-langkah sewajarnya untuk merapat jurang itu dengan memberi dan menambahkan kemudahan dan peralatan kepada sekolah-sekolah, dan menghantar guru-guru yang terlatih kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sukacita saya bertanya Timbalan Menteri Pelajaran, apakah sebabnya murid-murid ini yang setengah-setengahnya berkelulusan daripada sekolah rendah, tulisan-tulisannya terlampau buruk sehingga sampai dia sendiripun tidak boleh baca, orang tulis dia tidak boleh baca. Adakah sebab kurang cekap gurugurukah ataupun apakah masalah yang jadi begitu? Sebab dahulu saya masih ingat masa Sekolah Melayu Darjah 3 sahaja

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, apa soalan itu, tidak boleh beri penjelasan yang begitu panjang?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalan itu apakah langkah-langkah Kerajaan supaya dapat mengatasi perkara ini, itu sahaja.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang Dipertua, memang kita tahu terdapatnya murid-murid sekarang ini ada yang mempunyai tulisan buruk, ini hasil sistem yang ada sekarang, itulah sebabnya saya telah menggambarkan beberapa perubahan dan kebaikan yang boleh kita atasi melalui sistem baru KBSR. Insya Allah dengan adanya sistem KBSR ini kita tidak dapat lagi melihat tulisan-tulisan murid yang buruk, semua cantik-cantik belaka.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dalam pelaksanaan sistem 3M ini diminta Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan adakah sistem 3M ini akan mencapai matlamatnya dan bilakah target Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa sistem 3M ini akan mencapai kejayaan sepenuhnya di sekolah-sekolah di seluruh negara?

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya hendak menyatakan bahawa pelaksanaan keseluruhannya akan dilakukan pada tahun 1983. Saya telah juga mengatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini bahawa dari segi keyakinan dan sebagainya memanglah mengikut maklum balas dan analisa yang kita dapat kita yakin bahwa sistem ini boleh memberi banyak manfaat kepada pelajar-pelajar kita.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, mengikut jawapan Timbalan Menteri Pelajaran tadi nampaknya masih ada sebahagian murid-murid yang tidak boleh membaca, menulis dan mengira mahupun di bandar atau

di luar bandar. Saya ingin tahu apa langkah Kementerian Pelajaran sedia mengambil supaya memperbaiki murid-murid yang masih tidak pandai membaca, menulis dan mengira itu.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya di bawah sistem KBSR ini telahpun mewujudkan satu kaedah di mana segala pembetulan, termasuk segala kelewatan murid-murid akan dapat diperbetulkan oleh gurunya itu di dalam kelas itu sendiri. Jika umpamanya pada hujung tahun pertama masih terdapat beberapa peratus yang masih kurang dapat membaca, menulis dan mengira, pembaikan dan perhatian akan diambil oleh guru dan dibetulkan pada tahun berikutnya.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada angka-angka pencapaian yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai membaca, menulis dan mengira mengikut sistem KBSR, saya nampak ada kejayaan walaupun sistem pelajaran ini masih di dalam peringkat percubaan pada tahun 1982, tahniah untuk itu. Dan soalan saya bagaimanakah pencapaian kelas-kelas lembab yang ada sekarang ini?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaacob: Tuan Yang Dipertua, untuk mendapat perbandingan dengan kejayaan kelas lembab, saya perlu notis.

MAKTAB PERGURUAN DI SARAWAK

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai guru yang dapat dilatih di Maktab Latihan Perguruan di Sarawak setahun dan berapa orang guru bagi Sekolah Rendah China dan Sekolah Rendah Kebangsaan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat jumlah guru-guru yang dapat dilatih di Maktab-maktab Perguruan di Sarawak ialah 542 orang, daripada jumlah ini 24 orang adalah untuk guru-guru Sekolah Rendah China, 292 orang untuk Guru-guru Sekolah Rendah Kebangsaan dan 226 orang yang bakinya adalah untuk guru-guru Sekolah Menengah Rendah. Jumlah ini adalah berasaskan kepada pengambiln tahun 1982.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Dengan izin*) Tuan Speaker it is quite obvious that the supply of trained teachers in Sarawak is quite insufficient or else the Ministry of Education would not transfer many qualified teachers from Peninsular Malaysia over to Sarawak. In fact, cases have happened where some of the teachers who had been sent to the rural areas in Sarawak have actually went back because they said that the conditions were not conducive to good teaching.

So my question is, if the capacity of the Sarawak Teachers' Training College is not sufficient to provide enough teachers to meet the increasing needs, what are the steps taken to make sure that there will be more teachers trained within Sarawak itself not only to cope with the present need, but also to meet the needs of the future generation?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya tak akan menjawab dalam bahasa Ingeris. Yang pertama, saya ingin menyatakan bahawa kita mempunyai 3 maktab perguruan di Sarawak:

Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching;

Maktab Perguruan Sibu, Sarawak;

Maktab Perguruan Rajang, di Binatang.

Daripada pengeluaran tiap-tiap tahun kita akan cuba memenuhi jumlah pelatih-pelatih yang kita perlu mengikut "projection" kita. Sudah tentulah maktab-maktab yang saya sebutkan tadi, dijangka boleh mengeluarkan secukup-cukupnya guru-guru dalam jangka masa yang tertentu untuk memenuhi keperluan guru terlatih di Sarawak. Walau bagaimanapun, umpamanya bagi keperluan guru-guru di peringkat menengah yang mana latihan dibuat di universiti-universiti. Kita mungkin terpaksa menghantar daripada Semenanjung dan sebagainya. Tetapi saya ingin juga mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun kita menghantar guru-guru ke Sarawak semata-mata difikirkan untuk memenuhi kekurangan di sana kita juga memandang bahawa penghantaran guru di Sarawak itu juga adalah bagi memenuhi hakikat bahawa Sarawak adalah juga sebahagian daripada Malaysia. Jadi dalam rangka itu saya tidak memandang apakah kesalahan bagi merapatkan hubungan guru-guru dari sini bersama-sama berkhidmat di Sarawak sendiri.

SYARIKAT INSURAN MCIS— PENANGGUHAN MESYUARAT AGONG

13. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan punca-punca yang menyebabkan penangguhan Mesyuarat Agong Syarikat Insuran MCIS baru-baru ini dan setakat mana pihak Kementerian melibatkan diri dalam soal mengadakan semula mesyuarat ini demi kepentingan ahli-ahli Syarikat Insuran ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi Insuran Berhad (MCIS) yang telah diadakan pada 27hb Jun, 1982 itu telah ditangguhkan oleh

Pengerusi Mesyuarat yang mempengerusikan persidangan pada hari itu disebabkan oleh kekecohan yang timbul di kalangan ahli-ahli yang hadir. Kekecohan itu adalah berpunca dari tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh beberapa ahli yang hadir dalam mesyuarat itu bahawa cara pengundian yang akan dijalankan bagi melantik Lembaga Pengarah yang baru adalah tidak betul dan demokratik. Mereka telah meminta supaya agenda lantikan Lembaga Pengarah itu ditangguhkan, tetapi usul tersebut telah ditentang oleh sebahagian ahli yang lain mengakibatkan timbul perang mulut dan kekecohan yang tidak terkawal sehingga hampir-hampir menimbulkan rusuhan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak terlibat langsung dalam perkara mengadakan semula mesyuarat agong ini. Walaupun begitu Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia telah pun mengambil tindakan yang berasingan, dalam hal ini berdasarkan kepada penyiasatan yang telah dijalankan terlebih dahulu di bawah seksyen 37 (1) Ordinan Koperasi, 1948.

PERUNTUKAN \$200,000 KEPADA AHLI PARLIMEN

14. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada peruntukan sebanyak \$200,000 yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk projek-projek kecil di kawasan pilihanraya mereka akan juga diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan kepada mana-mana Ahli Parlimen untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan pilihanraya mereka. Peruntukan yang diberikan adalah untuk semua kawasan pilihanraya, tidak kira sama ada

sesuatu kawasan itu diwakili oleh ahli dari parti Pembangkang. Tetapi oleh kerana Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan di seluruh negara termasuk juga projek-projek kecil pada peringkat kawasan-kawasan Parlimen maka Kerajaan telah meminta Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, iaitu penyokong-penyokong kuat Kerajaan untuk membantu mengenalpasti apakah masalah-masalah dan projek-projek yang boleh dilaksanakan dan membuat cadangan mengenai sesuatu projek itu kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan dan dipersetujui jika sesuai.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, selepas pilihanraya umum baru-baru ini, kalau tak silap saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa parti-parti Pembangkang juga diberi peluang untuk merancang projek-projek, kemudian dihantar kepada Kerajaan dan projek-projek itu adalah serupa seperti peruntukan yang diberikan kepada ahli-ahli Parlimen Kerajaan. Apakah Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk melaksanakan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri bahawasanya pembangunan akan dilaksanakan di seluruh negara di semua kawasan, tak kira sama ada kawasan itu diwakili oleh ahli parti Kerajaan atau daripada ahli parti Pembangkang, itu yang pertama. Yang keduanya, jika sekiranya ada apa-apa cadangan yang difikirkan sesuai, sama ada cadangan itu datang dari sesiapa pun maka itu boleh dipertimbangkan. Sebenarnya Kerajaan kita tidak pernah pada bila-bila masa pun menafikan kebolehan ataupun hak sesiapa sahaja untuk

mengemukakan apa-apa cadangan yang baik kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah akibat daripada kemelesetan ekonomi negara kita sekarang maka peruntukan sebanyak \$200,000 untuk pembangunan dalam kawasan Parlimen di Malaysia ini pada masa depan masih terus ada lagi?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, peruntukan yang dibelanjakan kepada sesuatu pilihanraya itu tentulah sangat bergantung kepada kedudukan kewangan negara pada satu-satu masa. Dalam hal ini untuk tahun depan saya belum dapat pastikan berapa banyakkah yang akan dibelanjakan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada beliau bercadang untuk menambahkan peruntukan \$200,000 oleh kerana ramai di antara kami Ahli-ahli Parlimen daripada luar bandar mendapati projek-projek kecil masih banyak yang belum siap, kadangkala terutama sekarang ini pilihanraya sudah lepas, bila kami Ahli-ahli Parlimen meluluskan sesuatu projek duitnya sudah habis oleh kerana sudah digunakan sebelum pilihanraya dan memandangkan keadaan inflasi begitu tinggi kadang-kadang wang itu tidak dapat untuk mengagihkan daripada kampung ke kampung. Jadi ramai pengundi-pengundi kami kecewa

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, teruskan soalnya!

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Adakah Menteri berkenaan bercadang untuk menambah lagi peruntukan \$200,000 ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kita tidak ada apa-apa cadangan untuk menambah apa-apa peruntukan selain daripada yang sudah pun diperuntukkan dalam Belanjawan yang telah pun diluluskan.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*). I would like to ask the Minister whether in his report any of the Opposition constituencies have also been provided with this \$200,000 development because during the last Election the Barisan Nasional Party in Sabah accused us, especially me, of losing \$800,000 because the Government never developed the Kudat Constituency. Can you confirm on that?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ini tidak berkait dengan soalan asal.

PERUNTUKAN KEWANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di bawah peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk rancangan rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Keempat sila nyatakan.

- (i) apakah jumlah asal yang diminta oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri;
- (ii) apakah tawaran permulaan yang diperuntukkan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri;
- (iii) berapa Kerajaan Negeri merayu terhadap peruntukan asal; dan
- (iv) berapa jumlah masing-masing meminta dan apakah jumlah yang akhirnya diberi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang Dipertua, oleh sebab dalam soalan ini Ahli Yang Berhormat meminta angka-angka berkenaan peruntukan kewangan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri, oleh sebab itu jawapan ini terlibat banyak angka-angka dan saya mohon izin Tuan Yang Dipertua untuk memberi jawapan ini kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Gooi Hock Seng: Bolehkah Menteri berkenaan beri angka-angka terhadap Pulau Pinang sahaja?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Pada asalnya Kerajaan Pulau Pinang telah meminta peruntukan \$213,762,525. Pada asalnya telah diperuntukkan \$37,300,000 dan secara "for commitment" Pulau Pinang telah diberi \$48,678,000, jumlah \$85,978,000.

Timbalan Yang Dipertua: Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 24 (2)—

"(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab mulut itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka siapa-siapa ahli lain bolehlah mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri dan bolehlah ia berdiri di tempatnya apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan."

Dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum.

PASARAN BIJAH TIMAH/ GETAH/MINYAK KELAPA SAWIT/KAYU BALAK

2. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan prospek komoditi utama

seperti bijih timah, getah, minyak, kelapa sawit dan kayu balak dalam masa lima tahun akan datang dan sekiranya ramalan itu tidak memberi pertimbangan baik di sebelah kita, maka apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan kesulitan di masa depan, atau di sebaliknya jika masa depan didapati baik, apakah langkah-langkah diambil untuk mendapatkan faedah yang maksima daripada pasaran dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana bentuk soalan yang begini memerlukan jawapan yang panjang memohon masa yang agak panjang sedikit untuk menjawab soalan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahan-bahan utama kita begitu dipengaruhi oleh keadaan permintaan dan penawaran di pasaran terbuka serta keadaan ekonomi negara-negara pengguna utama.

Bagi getah, prospek dalam jangkamasa sederhana dan panjang adalah baik. Permintaan dunia bagi getah dijangka akan meningkat dengan kadar 4% hingga 5% setahun dibandingkan dengan pertumbuhan pengeluaran getah asli sebanyak 2%-3% setahun. Ini berlaku kerana getah asli telah mencapai persaingan yang lebih baik daripada getah tiruan. Usaha-usaha untuk menambahkan pengeluaran getah asli kita melalui Dasar Pengeluaran Dinamik iaitu menerusi tanaman semula getah dan tanaman baru akan berhasil dalam beberapa tahun akan datang ini akan dapat membekalkan permintaan yang meningkat dalam tempoh tersebut. Permintaan bagi getah asli dalam jangkamasa sederhana yang kuat, menyakinkan bahawa harganya pun akan bertambah baik di masa yang akan datang.

Kita akan terus mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan bagi bahan tersebut supaya dapat menghasilkan daya pengeluaran yang tinggi serta dapat mengekalkan persaingan getah asli di pasaran getah dunia.

Tuan Yang Dipertua, bagi minyak kelapa sawit pula prospeknya adalah baik memandangkan permintaan yang semakin meningkat di beberapa pasaran, tidak kira pasaran-pasaran tradisional ataupun pasaran-pasaran yang baru. Setakat ini, minyak kelapa sawit merupakan bahan utama yang paling teguh dalam menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi dunia, malahan ia dapat menambah bahagiannya dalam pasaran minyak dan lemak dunia yang pada masakini sebanyak 12% dan diramalkan meningkat 20% menjelang tahun 1985.

Pengeluaran minyak kelapa sawit akan bertambah dengan pesatnya khusus akibat daripada hasil pendebungaan weevil pada tahun ini. Pengeluaran juga diramalkan akan bertambah 2 kali ganda pada tahun 1990.

Selain daripada menggalakkan pemerosesan bahan tersebut di dalam negeri, usaha-usaha akan juga dipergiatkan untuk memperluaskan lagi pasarannya. Ini dicapai melalui misi-misi galakan pasaran yang telah dan akan dibuat pada masa akan datang. Usaha-usaha misi yang sudah-sudah telah berjaya menembusi pasaran-pasaran di beberapa negara di Asia Selatan, Asia Jauh, Asia Barat, Negara-negara Eropah Timur dan Afrika.

Untuk memperkukuhkan lagi kedudukan persaingan kita, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan akan terus dipergiatkan untuk meninggikan lagi hasil pengeluarannya dan meningkatkan lagi penggunaan akhir bahan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, prospek bagi kayu balak pula adalah tertakluk kepada keadaan industri pembinaan dan perumahan. Dengan pemuliharaan industri-industri tersebut, maka permintaan bagi keluaran kayu-kayan akan meningkat. Pasaran bagi keluaran kayu kita adalah baik memandangkan bekalan hasil kayu tropika yang semakin berkurangan di pasaran dunia. Pengeluaran hasil kayu-kayan akan meningkat dengan bertambahnya kegiatan pemerosesan kayu-kayan oleh kilang-kilang tempatan. Kerajaan akan terus memastikan bekalan kayu balak yang cukup kepada kilang-kilang tempatan melalui pengharaman ke atas pengeksportan 16 jenis kayu di samping sekatan kuota. Kerajaan juga sedang melaksanakan projek Ladang Hutan Kompensatori di mana pokok yang cepat membesar ditanam untuk menampung kekurangan kayu balak di masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, bagi bijih timah pula, ketidakseimbangan permintaan dan penawaran logam tersebut di pasaran dunia masakini akibat kemelesetan ekonomi dunia, dan penjualan timah daripada stok GSA Amerika Syarikat telah menyebabkan harga timah merosot.

Untuk meningkatkan lagi permintaan bagi timah daripada negara-negara pengguna, strategi pemasaran kita akan tertumpu kepada memperkenalkan penggunaan-penggunaan baru bagi logam tersebut. Penggunaan timah oleh industri-industri pembungkusan (packaging) akan bertambah seperti di dalam membuat saduran timah (tinplate). Penggunaan timah di dalam "soldering" atau membuat "peteri" dan dalam penggunaan kimia akan juga bertambah. Walaupun ianya akan menghadapi persaingan daripada bahan-bahan lain seperti aluminium dan plastik, tetapi ciri-ciri fizikal dan

kos yang menguntungkan logam tersebut dapat mengatasi persaingan tersebut.

Oleh yang demikian untuk memperluaskan penggunaan timah dan mengekalkan taraf persaingannya, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan sedang dijalankan.

Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya, untuk menjamin supaya sektor-sektor bahan utama dapat mengekalkan dayamaju sepanjang waktu kemelesetan ini dan berkembang semula apabila keadaan ekonomi dunia pulih semula, Kementerian ini telah merancang dan mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan penyelidikan, pembangunan dan mutu pengeluaran.
- (ii) Menggalakkan pemerosesan tempatan yang lebih banyak.
- (iii) Mempergiatkan usaha-usaha mendapatkan pasaran yang lebih baik, mengurang atau menghapuskan sekatan tarif dan bukan tarif untuk negara-negara pengimport.
- (iv) Penyertaan secara aktif dalam peraturan dan perjanjian antarabangsa untuk melindungi kepentingan pengeluaran.
- (v) Membaiki sistem pasaran termasuk perdagangan berasaskan pertukaran barang dengan barang iaitu 'barter system' dan penubuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, kita ada mempunyai Perjanjian Getah Antarabangsa dan juga Perjanjian Timah Antarabangsa untuk menstabilkan harga bagi kedua-dua bahan utama ini. Di samping itu negara-negara yang menganggotai Persatuan Negara-negara Pengeluar

Getah Asli (ANRPC) telah dan akan bekerjasama untuk mencari langkah-langkah yang sesuai bagi mengukuhkan pasaran getah dunia.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan Timbalan Menteri tadi saya tertarik dengan usaha industri kayu balak. Sebenarnya bahan kayu adalah diperlukan pada hari ini oleh penduduk luar bandar ataupun orang-orang kampung yang mendirikan rumah mereka daripada bahan kayu. Dengan sekatan 16 perkara yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, kita harap harga kayu tidak begitu mahal seperti hari ini. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri apakah sebabnya harga-harga kayu terlalu mahal dengan adanya rancangan yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini. Sebagaimana yang telah saya sebutkan semasa menjawab soalan itu, minta maaf saya lupa masa dan siapa menyoal, tetapi saya telah menjelaskan bahawa tidaklah benar yang harga kayu tempatan untuk pembangunan dan pembinaan rumah adalah lebih tinggi daripada harga kayu yang dieksport keluar negeri dan sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan butir-butir tertentu, insya Allah saya akan berikan.

PELANCONGAN DAN PER-INDUSTRIAN DI MELAKA

3. **Tuan Lim Kit Siang** meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pelancongan dan perindustrian di negeri Melaka.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya menyedari tentang potensi negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelancongan dan dengan itu telah pun bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Melaka menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ke arah memaju serta menggalakkan industri pelancongan di negeri tersebut. Di samping mengutarakan segala keindahan dan tarikan negeri Melaka di semua program-program penggalakan yang dijalankan oleh Perbadanan ini di pasaran-pasaran penting di luar negeri, usaha yang gigih juga telah ditumpukan ke arah meningkatkan lagi bilangan pelancong-pelancong tempatan bagi melawati negeri tersebut. Langkah sedemikian jelas kelihatan dari kempen-kempen pengiklanan dan publisiti yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan termasuk publisiti menerusi T.V. Malaysia baru-baru ini.

Di peringkat negeri pula, di samping menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat Pelancongan yang bertujuan untuk menasihati Kerajaan Negeri mengenai segala aspek pembangunan dan penggalakan pelancongan, sebuah Unit Penggalakan Pelancongan juga telah diwujudkan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Di antara program-program tindakan yang telah dirancang termasuk memelihara bangunan-bangunan bersejarah, menyediakan muzium untuk mencerminkan sejarah Negeri Melaka dan lain-lain usaha untuk memperkemaskan dan memperindahkan bandar tersebut sebagai suatu destinasi pelancongan.

Mengenai dengan sektor perindustrian pula, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Melaka telah mengambil berbagai langkah

untuk menggalakkan sektor tersebut. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia juga memberi penekanan kepada negeri Melaka dalam strategi anjurannya untuk menarik lebih banyak pelabur ke negeri itu. Pada masa ini terdapat lahan estet perindustrian di negeri itu dengan keluasan tanah yang telah dibangunkan sebanyak 267 hektar. Hampir kesemua tapak-tapak tanah di dalam estet-estet itu telah dijual. Sekarang hanya tinggal 30 hektar saja untuk dijual kepada pelabur-pelabur baru.

Usaha Kerajaan dalam menggalakkan perindustrian di Melaka adalah jelas memandangkan pencapaian negeri ini dalam tempoh 14 tahun yang lalu. Pada 1968, hanya 1 projek sahaja diluluskan di Melaka tetapi bilangan projek-projek yang telah diluluskan meningkat kepada 214 pada penghujung bulan Jun, 1982. Lebih kurang 46% daripada jumlah projek ini sudahpun memulakan pengeluaran dan 25% lagi ada dalam berbagai tahap implementasi. Jumlah projek diluluskan ini melibatkan modal dicadangkan sebanyak \$313 juta dan potensi gunatenaga yang lebih daripada 32,000 pekerja-pekerja. Akibat daripada langkah-langkah anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan penyediaan sistem infrastruktur yang elok, negeri Melaka sekarang mendapati pelaburan dari berbagai negara asing. Walaupun taraf pembangunan aktiviti perindustrian di Melaka adalah memuaskan, Kerajaan akan terus berusaha untuk menyediakan segala kemudahan untuk memenuhi keperluan sektor perusahaan yang semakin kuat berkembang ini. Selain daripada ini, seminar-seminar pelaburan juga akan dirancang dengan tujuan menyebarkan pengetahuan mengenai potensi-potensi pelaburan di Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bagi meningkatkan usaha untuk menggalakkan pelancungan, adakah Perbadanan Kemajuan Pelancungan berasa untuk menubuhkan satu pejabat di Melaka dan mengadakan seorang wakil daripada negeri Melaka menduduki di Perbadanan?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana buat masa ini Kerajaan tidak berkeupayaan untuk menambahkan kekuatannya dari segi pegawai-pegawai dan membuka pejabat-pejabat yang baru di tempat-tempat lain, Kerajaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berpendapat buat masa ini segala urusan mengenai kemajuan pelancungan dan juga kemajuan perindustrian akan diteruskan melalui Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan lagi pun kalau dilihat kepada negeri Melaka yang mana merupakan sebuah negeri yang ketiga hebatnya dari segi tumbuhan ekonominya dalam masa 10 tahun yang kebelakangan ini, walaupun segala urusan itu selama ini dijalankan melalui Ibu Pejabat di Kuala Lumpur negeri Melaka tidaklah ketinggalan dari segi kemajuan dan pembangunan industri di negeri tersebut.

Timbalan Yang Dipertua: Masa soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5 dan 8 adalah diberi di bawah ini).

KEMELESETAN EKONOMI— BANTUAN KEPADA PETANI

4. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini, bagi meringankan beban

dan kesan kepada penduduk terutamanya di luar bandar yang bergantung kehidupan dan pendapatannya kepada sektor pertanian, lebih-lebih lagi penduduk miskin yang mengusahakan satu kawasan tanah yang terhad, yang telah sampai kepada had maksima pengeluarannya yang mana tidak mungkin lagi dapat menambah pengeluaran.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (i) Membantu petani-petani meningkatkan pengeluaran melalui bantuan bahan-bahan tanaman yang bermutu tinggi, baja dan lain-lain. Di dalam keadaan harga yang rendah, pengeluaran yang bertambah akan menjamin pendapatan petani-petani.
- (ii) Meluaskan ruang pasaran bagi hasil-hasil pertanian. FAMA telah memainkan peranan penting di dalam meluaskan ruang pasaran.
- (iii) Melaksanakan konsep stok penimbal seperti yang dijalankan untuk getah dan bijih timah. FAMA akan membeli hasil-hasil keluaran petani mengikut harga tertentu apabila terdapat lebihan pengeluaran untuk disimpan, sehingga keadaan pasaran kembali stabil.
- (iv) Menggalakkan petani-petani menanam bahan-bahan makanan untuk makanan sendiri agar dapat mengurangkan kos sara hidup.
- (v) Menggalakkan petani menanam tanaman jangka pendek yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi (high-economic value).

- (vi) Mengurang/ memansuhkan cukai impot bahan-bahan input dan alat jentera pertanian seperti traktor 2 roda, penyembur racun berinjin dan sebagainya untuk menurun harga dan menggalakkan penggunaan alat-alat jentera yang mampu dibeli oleh petani-petani.
- (vii) Menggalakkan, membesar tanah milik melalui pembelian tanah-tanah jiran yang tidak dimajukan. Untuk pembelian ini kredit akan disediakan.

PEGAWAI PELAJARAN DAERAH

5. Tuan Yeow Poh San minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tujuan mengadakan Pegawai Pelajaran Daerah semenjak Julai 1982 dan bilangan Pegawai Pelajaran Daerah yang telah dilantik mengikut pecahan bangsa.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: *(Dengan izin)* Saya sukacita menjawab soalan ini sekali dengan soalan yang

dikemukakan oleh Y.B. Tuan Tan Kok Hooi, pada 3hb Disember, 1982 mengenai perkara yang sama. Tujuan mengadakan Pegawai Pelajaran Daerah dan menempatkan lain-lain Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah adalah untuk:

- (1) melicinkan lagi urusan pentadbiran pelajaran di peringkat daerah;
- (2) mengurangkan beban tugas Pejabat Pelajaran Negeri;
- (3) menentukan pencapaian yang lebih dalam melaksanakan dasar pelajaran; dan
- (4) meningkat kualiti pendidikan di peringkat daerah.

Pengwujudan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ini melibatkan beberapa jawatan baru yang telah diluluskan. Berikut adalah pecahan angka mengikut kaum bagi pengisian jawatan-jawatan di Pejabat Pelajaran Daerah:

Jawatan

| <i>Keturunan</i> | <i>Kategori D1</i> | <i>Kategori C1</i> | <i>Kategori C2</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|--------------------|--------------------|--------------------|---------------|
| (1) Melayu | 98 | 34 | 203 | 335 |
| (2) Cina | 13 | 10 | 15 | 38 |
| (3) India | 2 | 2 | 5 | 16 |

PERPUSTAKAAN AWAM DI BUKIT MERTAJAM

8. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bandar Bukit Mertajam memerlukan sebuah perpustakaan awam; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menubuhkan perpustakaan ini dengan secepat mungkin.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Bandar Bukit Mertajam buat masa sekarang diberi perkhidmatan oleh perpustakaan Bergerak, di bawah kelolaan Perbadanan Perpustakaan Awam, Pulau Pinang. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Negeri Pulau Pinang telah disediakan peruntukan \$500,000 untuk satu Perpustakaan Cawangan, iaitu di Nibong Tebal.

Langkah sedang diambil untuk menyediakan lebih banyak perpustakaan cawangan termasuk untuk Bukit Mertajam.

USUL

JAWATANKUASA PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN-PARLIMEN ASEAN (AIPO) LANTIKAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang President dan 10 ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Keenam, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasa.

1. Y.B. Yang Dipertua Dewan Rakyat (sebagai Jawatankuasa President).
2. Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
3. Y.B. Dato' K. Pathmanaban.
4. Y.B. Dato' Dr Ling Liong Sik.
5. Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.
6. Y.B. Dr Tan Tiong Hong.
7. Y.B. Puan Rahmah binti Othman.
8. Y.B. Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.
9. Y.B. Datuk Dr Hee Tien Lai
10. Y.B. Senator Tan Sri Zaiton Ahmad bin Ibrahim.
11. Y.B. Dr Tan Seng Giaw.

Tuan Yang Dipertua, AIPO telah ditubuhkan melalui Statute AIPO yang telah ditandatangani di Manila pada bulan September, 1977 dengan empat matlamat dan tujuan besar iaitu:

- (1) untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat di kalangan Parlimen-parlimen negara anggota ASEAN dan mengeratkan lagi pertubuhan dan persefahaman di kalangan ahli-ahlinya;
- (2) untuk membantu pencapaian matlamat-matlamat ASEAN sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN yang telah dibuat di Bangkok, Thailand pada bulan Ogos 1967;
- (3) untuk mengkaji, membincang dan mencadangkan penyelesaian-penyelesaian kepada masalah-masalah kepentingan bersama; dan
- (4) untuk memaklumkan Parlimen-parlimen anggota-anggota AIPO mengenai langkah-langkah yang telah diambil dan kemajuan yang dicapai oleh tiap-tiap Parlimen dalam menuju matlamat-matlamat dan tujuan-tujuannya.

Tuan Yang Dipertua, semasa Allahyarham Tun Syed Nasir bin Ismail menjadi Presiden AIPO, AIPO Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Jawatankuasa Kerja yang diadakan di Kuantan pada bulan Ogos 1981 dan perhimpunan agong AIPO di Kuala Lumpur pada bulan Februari 1982. Kedua-dua persidangan ini telah dijalankan dengan jayanya dan laporan-laporannya telah pun dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Selama ini AIPO telah berjaya mengeratkan perhubungan di antara anggota-anggotanya dan juga berjaya mengemukakan pendapat serta pandangan-pandangan ASEAN

terhadap pertubuhan-pertubuhan dunia yang lain. Kerjasama serantau yang telah tercapai melalui Ahli-ahli Parlimen anggota AIPO telah berjaya membuktikan kepada kuasa-kuasa di luar bahawa negara-negara ASEAN yang mengamalkan dasar keamanan, kesetabilan dan keselamatan serantau tidak lagi boleh diketepikan.

Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini dibuka untuk dibahas.

3.37 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*) I wish to draw the attention of the House to a point of order, Tertib Mesyuarat No. 76.

Timbalan Yang Dipertua: Apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: That is a point of order regarding the appointment of Committees.

Timbalan Yang Dipertua: 12?

Tuan Sim Kwang Yang: 76. It reads: "There shall be a Committee to be known as the Committee of Selection" and 76 (2) "The Committee of Selection shall inform the House by means of a report when any member has been nominated to any Committee."

Now the AIPO Committee here, if it is to be a Committee of the House, and it should be because it consists of representatives from this House to sit on the ASEAN Inter-Parliamentary Organization, it should have gone through selection by the Committee of Selection first and the presented here.

but that is not the case. Or alternatively, it could have been a Committee like the C.P.A., an Executive Committee then it does not really need the approval of this House. So on that reason, would suggest that we refer this motion moved by the Minister in the Prime Minister's Department back to the Committee of Selection.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.39 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, saya percaya semua Ahli-ahli Parlimen menyokong usaha AIPO tetapi saya ada satu point yang ada bersamaan sedikit dengan point yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching ialah mengenai point of answerability oleh kerana Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab kepada Parlimen ini. Saya harap untuk memaklumkan kepada Parlimen supaya mendapat tahu apa yang sudah dijalankan dari masa ke semasa mengenai usaha-usaha untuk mencapai matlamat-matlamat AIPO, supaya pertalian yang lebih erat boleh diwujudkan antara ahli-ahli Parlimen (ligeslators) di negara-negara ASEAN bahawa Jawatankuasa AIPO Malaysia boleh dari masa ke semasa membuat laporan kepada Dewan yang mulia ini atau kepada Parlimen iaitu kedua-dua Dewan berkenaan, supaya Ahli-ahli Parlimen semuanya dan bukan sahaja Ahli-ahli dalam jawatankuasa AIPO boleh tahu apakah perkembangan-perkembangan dan mungkin boleh melibatkan diri dalam kemajuan-kemajuan AIPO. Kalau saya tidak silap inilah Jawatankuasa yang kedua yang kita akan wujud dan selain daripada ahli-ahli dalam Jawatankuasa tiada sesiapa yang tahu apa yang berlaku, apa yang dibuat, apakah hasrat-hasrat, harapan-harapan dan rancangan-rancangan di masa depan. Saya haraplah peluang ini boleh menjadi satu ciri-ciri yang tetap.

3.41 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Yang Dipertua, saya melihat daripada susunan ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik ini tidak mengandungi ahli-ahli yang saya fikir mewakili semua di Dewan yang mulia ini. Dalam penubuhan Jawatankuasa yang pertama dulu pun saya nampak ada wakil DAP duduk dalam Jawatankuasa dan dalam Jawatankuasa AIPO ini pula ada wakil DAP. Apakah wakil daripada pihak Parti Islam Se-Malaysia ini tidak mempunyai kewibawaan duduk dalam Jawatankuasa ini?

Timbalan Yang Dipertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk jawapan.

3.42 ptg.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran kepada cadangan yang telah pun dikemukakan ini.

Sebenarnya cadangan ini adalah dikemukakan seperti sama juga prosedur yang telah dilakukan pada masa lalu bahawasanya nama-nama yang hendak dijadikan ahli Jawatankuasa kepada AIPO ini dikemukakan terus kepada Dewan ini untuk persetujuan dan berhubung dengan apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tentang tiadanya ahli daripada Parti PAS yang dicadangkan, ini tidak kena mengena dengan kewibawaan tetapi kita hanya mengikut peratusan penyertaan dalam Dewan yang ada sekarang ini.

Berhubung dengan teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sukalah saya memaklumkan bahawanya laporan-laporan dalam bentuk buku

tentang kegiatan-kegiatan AIPO yang telah berjalan itu adalah sekarang dalam percetakan, itu yang pertama.

Yang kedua, tentang kegiatan AIPO pada tahun sudah memang diadakan dua kali perbincangan di Parlimen ini juga, yang satunya yang saya masih ingat khusus yang ada hubungan dengan cadangan hendak menubuhkan Parlimen ASEAN. Dan saya masih ingat juga ada wakil-wakil daripada parti Pembangkang yang telah hadir dalam seminar yang diadakan sama di antara ahli Dewan Rakyat dan juga ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia ini.

Selain daripada itu dalam persidangan AIPO (AIPO Assembly) yang lalu iaitu pada bulan Februari tahun ini dan juga dalam mesyuarat Jawatankuasa bulan Ogos 1981 yang telah diadakan di Kuantan ramai ahli-ahli Parlimen kita mengambil bahagian termasuk juga ahli-ahli daripada parti pembangkang. Jadi oleh hal yang demikian kegiatan AIPO ini bukanlah satu kegiatan yang hanya terhad kepada ahli-ahli Jawatankuasa sahaja tetapi peluang-peluang untuk menyertai persidangan dan aktiviti-aktiviti AIPO adalah tersebar luas untuk kesemua ahli Parlimen membuat permohonan bagi menyertai kegiatan-kegiatan itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang President dan 10 ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Keenam, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil

bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasa:

1. Y.B. Yang Dipertua Dewan Rakyat (sebagai Jawatankuasa President).
2. Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad.
3. Y.B. Dato' K. Pahtmanaban.
4. Y.B. Dato' Dr Ling Liong Sik.
5. Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.
6. Y.B. Dr Tan Tiong Hong.
7. Y.B. Puan Rahmah binti Othman.
8. Y.B. Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.
9. Y.B. Datuk Dr Hee Tien Lai.
10. Y.B. Senator Tan Sri Zaiton Ahmad bin Ibrahim.
11. Y.B. Dr Tan Seng Giaw.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.46 ptg

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967), Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak), Akta Cukai Jualan 1972 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang. Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat

dalam Belanjawan 1983 yang saya kemukakan di dalam Ucapan Belanjawan di Dewan ini pada 29hb Oktober, 1982

Di sini saya mohon memberi huraian mengenai cadangan-cadangan penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini. Saya tidak berhajat menerangkan dengan panjang lebar mengenai cadangan-cadangan cukai yang terkandung dalam pindaan Rang Undang-undang ini oleh kerana penerangan lanjut mengenai cadangan-cadangan cukai baru ini telah saya buat dalam Ucapan Belanjawan saya dahulu dan juga semasa saya menggulung perbahasan ke atas Ucapan Belanjawan saya baru-baru ini.

Fasal 4 dan 5 memperuntukkan pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan bagi menggalakkan penyelidikan tempatan di kalangan sektor swasta. Di bawah galakan yang dicadangkan ini, kadar potongan yang dibenarkan adalah satu sepertiga ($1\frac{1}{3}$) kali ganda banyaknya daripada perbelanjaan sebenar atas penyelidikan. Selain daripada itu, seseorang itu dapat menuntut Elaun Bangunan Perindustrian atas sesuatu bangunan yang didirikan bagi maksud penyelidikan. Untuk melaksanakan tujuan ini, Sub-seksyen (7) Seksyen 34 Akta adalah dipotong dan seksyen baru 34A dimasukkan ke dalam Akta. Galakan ini akan diberi kepada syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan yang diluluskan. Jadi untuk menikmati galakan ini syarikat-syarikat adalah dikehendaki membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan.

Pada masa ini, pihak Kerajaan menghadapi masalah untuk memungut cukai daripada kontraktor-kontraktor dan para ikhtisas yang bukan pemastautin. Jangka masa mereka berada di Malaysia yang singkat dan juga jenis tugas yang mereka jalankan adalah menyulitkan

pemungutan cukai daripada golongan ini. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah ini, Fasal Sebelas (11) membuat peruntukan bagi mengenakan cukai pengangan ke atas mereka dengan memasukkan seksyen baru 107A. Di bawah cadangan ini, semua pihak yang membuat pembayaran kepada seseorang yang bukan pemastautin, sama ada ia seorang kontraktor, perunding atau ahli ikhtisas adalah dikehendaki menolak 15% daripada bayaran yang berhubung dengan bahagian perkhidmatan kontrak tersebut untuk dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jika kontraktor itu menggunakan perkhidmatan pekerja-pekerja yang bukan pemastautin pula, pihak yang berkenaan perlu menolak 5% lagi daripada bayaran yang dibuat kepada kontraktor asing untuk memenuhi tanggungan cukai para pekerja itu. Perlu saya tegaskan di sini bahawa potongan-potongan ini bukanlah merupakan cukai sebenar. Cukai sebenar akan ditentukan apabila pembayar cukai menyampaikan borang taksiran cukai pendapatan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Penyesuaian akan dibuat apabila didapati cukai yang dipegang itu lebih atau kurang daripada apa yang patut dibayar.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda Seksyen 128 Akta Cukai Pendapatan bagi pekerja-pekerja yang pindah sementara keluar Malaysia untuk menjalankan tugas yang berkaitan dengan pekerjaan mereka di Malaysia menikmati pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah yang diterima di Malaysia. Langkah ini bertujuan untuk memberi layanan yang sama kepada mereka ini seperti yang dinikmati oleh mereka yang bertukar dalam negeri. Pengecualian ini boleh dinikmati dengan syarat seseorang pekerja itu telah pun mendiami rumah yang dimilikinya itu.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda Bahagian 1 Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan bagi mengecualikan cukai ke atas ganjaran yang diterima oleh pekerja-pekerja Kerajaan yang persaraannya diluluskan pada atau selepas 22hb Oktober, 1982. Di bawah peruntukan sekarang ganjaran hanya akan dikecualikan daripada cukai apabila seseorang pekerja Kerajaan bersara selepas mencapai umur 55 tahun atau umur wajib bersara atau bersara atas sebab-sebab kesihatan. Dengan pindaan ini ganjaran pekerja Kerajaan akan dikecualikan daripada cukai walaupun mereka bersara sebelum mencapai umur wajib bersara jika sekiranya persaraan mereka itu diluluskan. Sebenarnya pekerja-pekerja Kerajaan pernah menikmati faedah ini sebelum perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai Gaji dilaksanakan. Pindaan ini juga bertujuan untuk mengecualikan pencen daripada dikenakan cukai sekiranya seseorang pekerja dipersara atas sebab-sebab kesihatan.

Elaun pelaburan semula sebanyak 25% untuk menggalakkan industri-industri pengeluaran membesarkan loji-loji mereka akan berakhir pada 31hb Disember, 1982. Galakan ini telah mendapat sambutan baik oleh industri-industri dan sebab itu patutlah dilanjutkan. Fasal 16 memperuntukkan pindaan Jadual 7A bagi melanjutkan pelepasan elaun ini sehingga 31hb Disember, 1985 atas sebarang loji, jentera atau radas-radas lain di Malaysia.

Fasal 18 memperuntukkan supaya royalti yang diperolehi daripada Malaysia dan pembayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin tidak boleh dibuat sebelum potongan bagi tujuan cukai dilakukan ke atas royalti dan pembayaran kontrak. Pindaan kepada Seksyen 18 Akta Cukai Pendapatan Petroleum adalah untuk menyelaraskan dengan langkah

Kerajaan mengenakan cukai pegangan ke atas kontraktor-kontraktor dan para iktisasi yang bukan pemastautin di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Tuan Yang Dipertua, kebanyakan daripada kadar duti setem yang berkuatkuasa sekarang ini adalah rendah dan ada yang tidak sesuai lagi. Untuk menyesuaikan duti setem ini dengan keadaan semasa, beberapa pindaan kepada Ordinan Setem adalah dikemukakan. Fasal 21 bertujuan meminda Seksyen 16 Ordinan Setem 1949 untuk menghapuskan layanan cukai keutamaan yang sekarang ini diberi kepada Suratcara Penyelesaian (Settlement) sebagaimana dinyatakan dalam butiran 69 Jadual Pertama kepada Ordinan. Fasal 22 membuat peruntukkan bagi membetulkan anomali yang terdapat di antara kadar duti yang dikenakan ke atas Suratcara Pecah Milik di bawah butiran 43 dan Suratcara Pertukaran Harta di bawah butiran 56. Fasal 23 pula, bertujuan untuk menjadikan kadar-kadar duti setem itu lebih munasabah dan untuk menghapuskan duti-duti atas suratcara-suratcara yang tidak sesuai lagi. Duti-duti yang pada asalnya \$1, \$3 dan \$5 dicadangkan supaya masing-masing dinaikkan kepada \$3, \$5 dan \$10. Di samping menaikkan kadar-kadar, peruntukan juga diadakan untuk mengurangkan beban cukai ke atas golongan yang berpendapatan rendah, dengan menambahkan lagi tingkat pengecualian yang sedia diberi ke atas setengah-setengah suratcara dan juga dengan memperkenalkan pengecualian-pengecualian baru kepada golongan ini.

Fasal 24 bertujuan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Sumpah membatalkan setem. Pindaan ini sudah tentu akan menyenangkan orang ramai kerana mereka tidak lagi perlu pergi ke Pejabat Setem untuk membatalkan setem bagi surat-surat sumpah.

Satu masalah yang sedang dihadapi oleh pekilang-pekilang kecil yang berlesen di bawah sistem cukai jualan sekarang ini, ialah kesukaran untuk mendapat bahan-bahan mentah tanpa membayar cukai jualan. Ini ialah kerana mereka tidak dapat menggunakan sistem pengecualian cukai jualan yang diberi ke atas bahan mentah sekarang ini. Dengan tujuan untuk memperbaiki sistem cukai jualan ini, sistem kredit akan diperkenalkan. Di bawah sistem ini, pekilang-pekilang kecil masih diperlukan membayar cukai jualan ke atas pembelian bahan-bahan mentah. Tetapi cukai yang dibayar ini akan dikira sebagai kredit dan akan ditolak daripada cukai jualan ke atas keluaran-keluaran siap mereka. Untuk mencapai tujuan ini Fasal 38 meminda seksyen 31 Akta Cukai Jualan bagi membenarkan pemulangan balik cukai yang telah dibayar itu kepada mana-mana pekilang yang layak.

Lain-lain fasal adakah merupakan pindaan-pindaan berhubung dengan soal pentadbiran. Rang Undang-undang ini juga adalah bertujuan untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan kecil yang berbangkit.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Abdul Manan bin Othman:
Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak) dan Akta Cukai Jualan 1972 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya dalam Fasal 16 itu digantikan perkataan "eight" dengan perkataan "seven". Dan di bawah huraian itu di paragraf 7 gantikan tahun "1986" dengan tahun "1985" dan pindaan ini akan terpakai juga untuk naskah dalam bahasa Inggeris.

Pindaan-pindaannya adalah seperti berikut:

Fasal 16 Gantikan perkataan "eight" dengan perkataan "seven"

Paragraf 7 Huraian Gantikan tahun "1986" dengan tahun "1985"

Clause 16 Substitute the word "seven" for the word "eight"

Paragraf 7 Explanatory Statement Substitute the year "1985" for the year "1986"

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 16 seperti yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.03 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu", dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$757,374,444 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan Anggaran Belanja Mengurus 1981 dan 1982, iaitu sebanyak \$371,480,139 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1981 dan sebanyak \$385,894,305 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1982.

*Anggaran Belanja Mengurus
Tambahan Ketiga 1981*

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1981 berjumlah \$531,051,495 tetapi hanya sebanyak \$371,480,139 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 seperti

yang dibutirkan dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini, oleh kerana bakinya sebanyak \$167,571,356 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1981 yang asal serta Anggaran-anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama dan Kedua 1981.

Dari jumlah sebanyak \$371,480,139 di bawah Perbelanjaan Bekalan, sebanyak \$246,193,393 adalah untuk membiayai "Emolumen" dan bakinya sebanyak \$125,286,746 adalah untuk membiayai "lain-lain Perbelanjaan" yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan.

Kementerian Pertahanan memerlukan tambahan terbesar sebanyak \$253 juta untuk membiayai bayaran gaji, elaun-elaun dan tambahan kos kakitangan mengikut Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet serta kenaikan kadar bayaran elaun perjalanan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memerlukan tambahan sebanyak \$58.5 juta untuk menyelaraskan akaun perbelanjaan tahun 1981 berikutan dengan pengwujudan semula Kementerian ini mulai 20hb Julai, 1981. Dengan pengwujudan semula Kementerian ini, aktiviti Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang dahulunya diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan aktiviti Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) serta Jabatan Pembangunan Koperasi yang dahulunya diletakkan di bawah Kementerian Pertanian telah

dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai tarikh tersebut. Oleh itu segala perbelanjaan mengurus untuk aktiviti-aktiviti tersebut yang telah dilakukan oleh Kementerian-kementerian berkenaan mulai dari 20hb Julai, 1981 perlu diselaraskan dengan peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Di samping itu juga, Jabatan Perkhidmatan Awam memerlukan tambahan sebanyak \$42.7 juta untuk menambah peruntukan di bawah aktiviti Latihan dan Kemajuan Kerjaya bagi membiayai kenaikan kadar biasiswa/dermasiswa kepada penuntut-penuntut di universiti-universiti tempatan, dan kenaikan kadar elaun sara hidup, tambang kapal terbang dan lain-lain bayaran kepada penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri.

Di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan pula tambahan sebanyak \$13.6 juta adalah diperlukan bagi menyelesaikan pembayaran balik pinjaman Syarikat Gula Negeri Sembilan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berikutan dengan keputusan Kerajaan menutup syarikat tersebut.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1981 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1982.

Dengan tambahan sebanyak \$371,480,139 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1981 menjadi \$13,078,624,863. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan

Tanggungjawab yang berjumlah \$3,366,572,347 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1981 menjadi \$16,445,197,210.

*Anggaran Belanja Mengurus
Tambahan Kedua 1982*

Tuan Yang Dipertua, bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah berjumlah \$521,190,305. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$385,894,305 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 seperti yang dibuktikan dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang ini, oleh kerana bakinya sebanyak \$135,296,00 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan Undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1982 yang asal serta Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1982.

Dari jumlah sebanyak \$385,894,305 di bawah Perbelanjaan Bekalan, sebanyak \$3,389,697 adalah untuk menambah peruntukan di bawah "Emolumen" dan bakinya sebanyak \$382,504,608 adalah untuk menambah peruntukan di bawah "Lain-lain Perbelanjaan" yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan.

Tambahan terbesar sebanyak \$152.9 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Perusahaan Utama. Hampir keseluruhannya adalah untuk menjelaskan caruman yang kedua Malaysia kepada "Akaun Setok Penimbal Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima".

Jabatan Perkhidmatan Awam pula memerlukan tambahan sebanyak \$122.5 juta untuk menampung kekurangan peruntukan biasiswa dan

menambah peruntukan di bawah beberapa butir perbelanjaan Jabatan ini berikutan dengan keputusan Kerajaan memansuhkan Pejabat Setiausaha Persekutuan, Sarawak mulai 1hb Jun 1982.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$35.2 juta adalah diperlukan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) menjalankan urusan dagangan dan jualan pasaran serta membiayai sebahagian dari perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$26.3 juta adalah dikehendaki bagi Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$20 juta adalah diperlukan untuk menambah peruntukan "Akaun Stor dan Woksyp Belum Diuntukkan" di bawah Kementerian Kesihatan sejajar dengan pertambahan bilangan pesakit yang menerima rawatan, pertambahan pusat-pusat kesihatan dan kenaikan kos bahan-bahan perubatan. Sebanyak \$5 juta adalah diperlukan untuk membiayai tabung pusingan "Kumpulan Wang Amanah Kontraktor-kontraktor" dan sebanyak \$1.3 juta adalah untuk membiayai tabung "Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman Kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut".

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1982 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 Tahun 1982.

Selepas ucapan ini, saya akan mengemukakan pula suatu Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982.

Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981

Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 berjumlah \$750,502,703. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$703,915,703 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan bakinya sebanyak \$46,587,000 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini maka jumlah besar peruntukan anggaran pembangunan bagi tahun 1981 meningkat kepada \$16,175,002,072.

Sebanyak \$526.9 juta atau 70.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan adalah bagi Sektor Ekonomi. Dari jumlah tersebut sebanyak \$264.7 juta adalah diperlukan sebagai pemberian kepada Negeri-negeri bagi pembinaan Jalan-jalan di luar bandar; sebanyak \$179.2 juta untuk membiayai bekalan elektrik dan bekalan air di luar bandar dan sebanyak \$77.7 juta untuk membiayai perbelanjaan cara langsung dan pinjaman kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sebanyak \$223.5 juta atau 29% daripada jumlah tambahan peruntukan yang dicadangkan adalah bagi "Sektor Sosial". Ini termasuklah peruntukan sebanyak \$120.2 juta yang dikehendaki oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi membiayai peruntukan Biasiswa, Institut Kemahiran MARA dan pembinaan serta pembelian kelengkapan Maktab Rendah Sains MARA dan \$64.4 juta bagi membiayai Infrastruktur dan Kemudahan Asas untuk Pembangunan Masyarakat dan Kampung.

Butir-butir dan penjelasan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan juga Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1982.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982.

Tuan Yang Dipertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 berjumlah \$471,593,925. Dari jumlah tersebut sebanyak \$363,151,390 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan bakinya sebanyak \$108,442,535 adalah Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan terbesar adalah bagi "Sektor Ekonomi yang memerlukan sebanyak \$322.4 juta atau 68.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$117.6 juta diperlukan bagi membiayai kerja-kerja pembangunan dan pemulihan pelabuhan-pelabuhan, sebanyak \$100 juta sebagai pinjaman kepada Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn Bhd (FIMA) dan sebanyak \$85.8 juta adalah diperlukan untuk membiayai pembinaan dan memperbaiki jalan raya-jalan raya dan jambatan-jambatan.

Sebanyak \$129.3 juta atau 27.4% daripada jumlah tambahan peruntukan yang dicadangkan ini adalah untuk "Sektor Sosial". Dari jumlah tersebut, sebanyak \$77 juta dikehendaki bagi membiayai Infrastruktur dan Kemudahan-kemudahan Asas untuk Pembangunan Masyarakat dan Kampung dan sebanyak \$23.4 juta diperlukan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bagi membiayai pembinaan asrama dan

pejabat di Petaling Jaya, pembinaan Kampus Utama di Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan Pusat-pusat Wilayah.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1982.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1981

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1982

4.08 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam peraturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3). Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,222,096,628 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1981, untuk menampung sejumlah \$750,502,703 bagi

Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$471,593,925 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.”.

Diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan ialah:

Bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua

sekarang, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Sekarang kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):

Tuan Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini ada diminta untuk meluluskan 4 set Anggaran Belanjawan yang berjumlah \$1,979,000. Satu jumlah yang begitu besar terdiri daripada Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1981 yang berjumlah \$539 juta. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 4) 1981 yang berjumlah \$750 juta.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 yang berjumlah \$521 juta dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) Bil. 2) 1982 yang berjumlah \$471 juta. Pada satu masa yang menghadapi kemelesetan ekonomi saya rasa pihak Kerajaan patutlah mengamalkan stringency ekonomi dengan menggunakan istilah Yang Berhormat Menteri Kewangan, ada menggunakan untuk memotong baju mengikut kain, dan saya rasa patutlah mengelak dengan sedaya-upaya untuk datang ke Dewan ini meminta Anggaran Tambahan baik pun untuk Mengurus atau Pembangunan dengan angka yang begitu besar.

Saya rasa bahawa lebih banyak penjimatan kos boleh dicapai dan bahawa perbelanjaan Kerajaan kalau lebih ekonomik, lebih cekap boleh mengatasi pembaziran wang rakyat dan perbelanjaan Kerajaan dan inilah mungkin boleh buat satu sumbangan terhadap elak dalam keadaan

kemelesetan ekonomi, datang ke Dewan untuk meminta lebih banyak peruntukan-peruntukan. Dalam hubungan ini saya rasa sangat concerned bahawa nampaknya tidak ada apa-apa kebetulan dalam kecekapan perbelanjaan Kerajaan.

Contohnya, dalam anggaran keempat-empat set ini satu peruntukan besar yang diminta oleh Kementerian Pertahanan yang berjumlah \$253 juta, tetapi adakah Kementerian Pertahanan yang setiap tahun ada bersaing dengan Kementerian Pelajaran untuk mendapat budget yang begitu besar, ada menyusun semula untuk berhenti semua ketidakcekapnya, pembaziran dan salahguna wang dalam Kementerian Pertahanan. Satu contoh sehingga sekarang tidak ada apa-apa telah terdengar mengenai skandal "instant mee" sungguhpun telah dekat setahun kita dengar bahawa satu Jawatankuasa, satu Board of Enquiry sudah ditubuh oleh MINDEF untuk menyiasat perkara ini yang dibongkar dan didedah dalam Laporan Ketua Audit Negara di mana "instant mee" dibeli di Sabah \$4.90 sepeket dan di Sarawak \$3.90 sepeket dan harga di Semenanjung Malaysia ialah baru 14 sen. Akhirnya, Kerajaan dan rakyat rugi \$926,000 dekat satu juta ringgit, satu benda sahaja dan

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, masa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan "mee segera", dalam soalan berjawab, kalau tidak salah saya, minggu yang sudah, beliau sendiri tidak cakap dan tidak berada dalam Dewan ini, jadi soalan ini hilang terus pada masa itu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau soalan itu tidak timbul, sekarang-kurangnya satu Kerajaan atau satu Timbalan Menteri yang cekap boleh mengedarkan satu jawapan kepada saya atau mengedarkan kepada orang ramai oleh kerana itu untuk kepentingan bukan saya sendiri sahaja, rakyat mahu tahu, apa sudah berlaku, bukan saya sendiri yang mahu tahu. Itulah mustahak kenapa sehingga sekarang tidak memberitahu Dewan atau orang ramai apa yang telah berlaku untuk memastikan perkara yang berlaku, peristiwa yang berlaku, "instant mee" sendiri tidak berlaku kalau tidak sekarang kita diminta untuk meluluskan \$250 juta. Adakah ini jadi instant allocation? Dan akan merupakan satu pembaziran yang instant dan saya boleh dikontradik kalau tidak silap saya, sungguhpun saya tidak dengar jawapan sehingga sekarang perkara instant mee, skandal instant mee sudah ditutup.

Kementerian Pertahanan tidak ambil apa-apa tindakan terhadap sesiapa pegawai oleh kerana bertanggungjawab atas kes instant mee. Saya rasa dengan tidak ada reaksi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itulah pengesahan, confirmation, sebab itu saya rasa dalam masalah keadaan kemelesetan ekonomi, keadaan tidak cukup wang, saya rasa sangat mustahak bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti impose tatatertib, disiplin kewangan, oleh kerana kalau skandal instant mee boleh berlaku dan tidak ada tindakan diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tentulah perkara semacam ini boleh diulangi lagi. Saya harap mungkinlah dalam peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang memuaskan hati—walau bagaimanapun kalau dia mahu saya boleh beri jalan.

Tuan Yang Dipertua, baru dua bulan dahulu kita dengar dan baca suratkhbar bahawa ada rip off atau diphoning disel-disel yang \$2 juta daripada Kuantan untuk perkhidmatan-perkhidmatan tentera, pembaziran, salahguna wang dan kita mahu tahu dalam keadaan kemelesetan ekonomi apa tindakan sudah diambil dan kalau mungkin ada diambil tidak perlulah perundingan yang begitu banyak, anggaran tambahan yang begitu banyak supaya setiap ringgit kita dapat nilai bukan sahaja \$1 kita dapat nilai 10 sen sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya haraplah bahawa kita tidak balik ke satu keadaan, khasnya Kementerian Pertahanan (MINDEF) di mana masa lampau MINDEF ada memesan dan membeli 44 buah armoured personnel carrier dan selepas 2 tahun 33 buah PANTHARD tidak boleh dipakai, tidak boleh diguna oleh kerana spare parts dari Perancis tidak sampai dan harga lebih tinggi daripada apa yang boleh dibeli daripada syarikat Amerika. Saya harap ini sangat mustahak, khasnya untuk Kementerian-kementerian di mana peruntukan yang begitu raksasa ada diluluskan.

Tuan Yang Dipertua, saya nampak di sini ada peruntukan yang besar yang diminta untuk projek-projek sosial untuk Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Satu angka yang begitu besar, begitu banyak juga angka.

Timbalan Yang Dipertua: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rujuk kepada Jadual (Schedule) yang diminta \$160 juta untuk Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk Jalan raya, jambatan dan lain-lain, memanglah itu baik. Tetapi lagi satu masalah ialah sama ada kita dapat menilai perbelanjaan kita berjuta-juta ringgit. Adakah kita dapat nilai 40%, 50%

sahaja? Adakah satu penilaian (assessment) dibuat oleh Treasury, oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Saya rasa kalau mahu buat satu penilaian, saya menjemput Yang Berhormat Menteri sendiri memandu kereta di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Ada masa dekat 100 pot-holes di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur yang menjadi bahaya dan mungkin menyebabkan kemalangan-kemalangan, menyebabkan orang mati, jalan tak rata, ada pot-holes. Ini satu Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Sekarang pun boleh pergi dan lihat, nampaknya sudah jadi satu country road, satu jalan untuk country side, bukan lebuhraya dengan taraf lebuhraya yang boleh digunakan tanpa mengakibatkan kemalangan-kemalangan daripada lebuhraya sendiri. Saya tak tahu berapa orang sudah mati, bukan oleh kerana mereka cuai tetapi oleh kerana lebuhraya itu tidak diselenggarakan (maintain) dengan taraf dan mutu yang sepatutnya. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam—tidak ada di sini—tetapi saya harap Menteri Kewangan boleh sampaikan mesej-mesej ini oleh kerana ini sangat mustahak, kita diminta untuk meluluskan peruntukan-peruntukan yang begitu raksaksa.

Di sini saya nampak ada satu peruntukan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1981, di bawah Maksud B. 34 di mana \$13 juta ada dikehendaki bagi menyelesaikan pembayaran balik pinjaman Syarikat Gula Negeri Sembilan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berikutan dengan keputusan Kerajaan menutup syarikat tersebut. Ini sudah menjadi satu kenyataan, kita pun tidak boleh cakap apa-apa tetapi saya ingat lagi apabila dalam masa Parlimen diberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan perlu untuk bail out, memainkan peranan S.O.S untuk

selamatkan Kerajaan Negeri Sembilan oleh kerana perkara Syarikat Gula Negeri Sembilan, masa itu kalau tak silap saya, Yang Berhormat Perdana Menteri masa itu selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian beliau ada kata dalam Dewan ini bahawa satu siasatan akan dibuat untuk mendapati sebab-sebab kerugian yang begitu besar boleh berlaku sungguhpun ada perkara-perkara yang dijemput untuk buat feasibility study, sangat baik boleh untung, masuk—rugi, bankrap, kenapa boleh berlaku? Sehingga sekarang kita tunggu kajian itu. Saya harap oleh kerana kita diminta untuk luluskan \$13 juta atas projek itu bahawa sekurang-kurangnya Dewan yang mulia ini dan rakyat diberitahu apa finding yang didapati supaya itu pun boleh jadi satu pengajaran kepada lain-lain syarikat-syarikat dan projek-projek. Saya tidak faham kenapa pihak Kerajaan begitu ada sikap yang mahu merahsiakan perkara semacam ini yang ada kepentingan orang ramai oleh kerana melibatkan kewangan orang ramai. Saya harap di bawah 2M pun kita boleh mendapat satu sikap yang baru; di bawah pemerintahan 2M di mana rakyat dipercayai oleh pentadbiran di mana apa yang boleh didedahkan untuk kepentingan orang ramai didedahkan semacam kajian mengenai sebab-sebab kerugian bankrupsi Syarikat Gula Negeri Sembilan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh membuat satu jaminan bahawa laporan itu boleh dibentang di Dewan ini dalam session ini sungguhpun ada lagi 6-7 hari tetapi satu Kerajaan yang cekap saya rasa itu bukan jadi masalah.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya mahu tanya ialah mengenai ganti rugi yang dikehendaki untuk mangsa-mangsa peristiwa Tanjung Kupang. Kemalangan Kapal Terbang Sistem Penerbangan Malaysia di Tanjung Kupang, Johor pada bulan Disember, 1977 di mana \$2,600,000 ada

dikehendaki untuk selesaikan tuntutan bayaran pampasan, sama ada ini satu penyelesaian yang sepenuhnya atau ada lagi waris-waris sah mangsa-mangsa tragedi kemalangan Kapal Terbang Sistem MAS di Tanjung Kupang yang belum setuju dan bahawa adalah kes-kes yang menunggu keputusan di mahkamah atau ini satu penyelesaian yang sepenuhnya.

Di sini saya memperhati bahawa ada satu peruntukan yang begitu besar dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1982 untuk Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dekat \$80 juta, inilah satu tambahan lagi. Kita di pihak DAP tidak tentang peruntukan-peruntukan untuk kemajuan masyarakat luar bandar, tetapi saya rasa kita patut ambil perhatian pihak Kerajaan di samping memaju atau meninggikan taraf kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar, ada lagi satu sektor rakyat Malaysia kita pun boleh disifatkan sebagai di luar bandar yang sehingga sekarang diketepikan daripada mainstream pembangunan negara kita ialah penduduk-penduduk di kampung-kampung baru di 450 buah kampung yang dekat lebih 1 juta orang yang tidak dapat apa-apa peruntukan yang sewajarnya supaya kedudukan sosio-ekonomi mereka boleh dijaga, dipertahan dan ditinggikan. Saya harap bahawa di masa depan sikap-sikap pihak pemerintahan terhadap penduduk-penduduk di luar bandar, di kampung-kampung baru di mana ialah untuk mengabaikan semenjak zaman penubuhan kampung-kampung baru sehingga sekarang boleh dibetulkan dimana kesejahteraan, kebajikan mereka boleh diberi perhatian dan tempat yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya mahu timbulkan satu perkara yang saya rasa sangat pokok iaitu sikap

pihak Menteri-menteri Kerajaan apabila datang ke Dewan ini untuk meminta peruntukan-peruntukan baik pun dalam Budget atau perbelanjaan tambahan. Saya dapati bahawa ada Menteri-menteri yang bersikap nampaknya tidak begitu menghiraukan Dewan yang mulia ini. Dalam Budget yang baru lepas di mana dalam peringkat Jawatankuasa (Committee stage) apabila peruntukan beberapa Kementerian dibahaskan Menteri-menteri yang berada dalam Kuala Lumpur, yang berada dalam negara kita—bukan pergi ke luar negeri, tidak mahu hadir, semacam dalam Kementerian Kebajikan Am di mana setiap tahun satu kali sahaja Budget di mana peruntukan-peruntukan untuk setiap Kementerian diminta dan sekarang satu peruntukan tambahan diminta dan nanti saya harap bila sampai Committee stage setiap Menteri boleh bersikap bertanggungjawab datang ke Dewan ini dengar hujah-hujah, dengan ucapan-ucapan baik pun dari pihak Pembangkang atau pihak backbencher Kerajaan oleh kerana mereka bertanggungjawab, mereka Menteri bukan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab, bukan Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab sungguhpun mereka boleh mewakili ini tetapi itu tidak berguna dan selalu kita dengar di Dewan ini bila ada timbul soalan, jawapannya ialah "Saya tidak tahu, saya akan siasat".

Saya rasa supaya ada accountability di Dewan ini setiap Menteri, setiap Timbalan Menteri, setiap Setiausaha Parlimen apabila menjawab bukan menjawab atas diri sendiri, tetapi atas Kementerianannya. Beliau tidak tahu tanggungjawabnya ialah untuk dapat maklumat datang ke sini dan bukan oleh kerana dia tidak tahu dia boleh berdiri cakap: "Saya tidak tahu, saya akan siasat." Kita mahu seorang Menteri, seorang Timbalan Menteri, seorang Setiausaha Parlimen sebelum

datang ke sini untuk menjawab di sini atau untuk berucap dapat taklimat sepenuhnya dan command subject itu dalam tangan dan bukan jawab "Saya tidak tahu, saya akan siasat". Itu tidak guna, itu adalah jawatan satu orang yang tidak bertanggungjawab dan cuai.

Saya harap di masa hadapan tidak lagi saya akan dengar "Saya tidak tahu, saya akan siasat". Itu mesti minimum, tetapi sekarang ini digunakan dengan maksimanya oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Saya haraplah sikap ini boleh diubah oleh kerana ini bukan sikap satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin. Apa yang saya minta ialah bahawa satu penghormatan yang patut diberi kepada Dewan ini baik pun kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Pembangkang atau daripada Barisan Nasional.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.43 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1981 dan Tambahan Kedua, 1980; anggaran Pembangunan Tambahan Keempat, 1981 dan Tambahan Kedua, 1982.

Tuan Yang Dipertua, anggaran ini begitu tepat dan sesuai, perbelanjaannya cermat, jadi tidak ada apa-apa saya hendak sebutkan di sini. Cuma saya tertarik hati dengan ucapan Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, beliau telah menentang; dahulu dalam ucapannya menentang menyatakan pihak polis cuai dan hari ini dia menentang menerangkan yang pihak tentera banyak menggunakan wang. Beliau tidak menentang pencerobohan-pencerobohan negara

yang berlaku di sana sini dan tidak menentang subversif-subversif yang ada di negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya hendak bercakap, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Takut hendak beri penjelasan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu tidak perlu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Sebaliknya membela pencerobohan, membela banduan-banduan, membela orang-orang yang akan dihukum gantung, membela orang-orang dalam tahanan. Inilah satu sikap Pembangkang yang sangat-sangat kita seperti

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Yang Dipertua, 36 (4) berbunyi: "Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab." Dalam bahasa Inggeris: "use offensive and insulting language" dan Yang Berhormat tadi ada menggunakan bahasa yang biadab untuk bercakap apa yang saya tidak cakap bahawa saya tidak tentang pencerobohan, bahawa saya tidak tentang tindakan-tindakan subversif; itu semua tidak benar, sangat insulting, sangat offensive oleh kerana tidak benar dan saya harap Tuan Yang Dipertua boleh tahan dia.

Timbalan Yang Dipertua: Sila duduk! Yang Berhormat, pada pendapat saya dalam ucapan Yang Berhormat dari Batang Padang tidak mengandungi apa-apa bahasa yang biadab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, bukan bahasa yang digunakan tetapi ertinya adalah biadab dan oleh kerana bahasa ertinya biadab, bahasa pun biadab!

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, oleh itu saya mintalah pihak polis, anggota-anggota polis menyiasat gerak-geri para anggota DAP (*Ketawa*) khasnya Ahli dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bila-bila boleh datang—panggil polis datang! (*Ketawa*).

Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu beliau telah menyebutkan berkenaan dengan pihak Kementerian Kerjaraya yang mana mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak sebagaimana di dalam anggaran tambahan ini. Ini adalah satu publisiti murah untuk diketahui oleh rakyat bahawa pihak Pembangkang telah menyebutkan jalan berlopak-lopak yang selalu menjadikan kemalangan di atas jalan raya itu. Yang sebenarnya apabila sahaja lulus peruntukan perbelanjaan kita pada tahun 1983 nanti, benda-benda ini akan selesai dan publisiti murah mereka akan selesai juga.

Itulah sahaja ucapan saya, saya menyokong peruntukan bagi perbelanjaan tambahan.

4.47 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun memberitahu Dewan yang mulia ini dengan permintaan peruntukan tambahan sebanyak \$1,222,096,628; untuk tahun 1981 sebanyak \$750,502,703 dan untuk tahun 1982 sebanyak \$471,593,925 adalah satu angka yang begitu besar. Kalau dikirakan sebagai luar jangka, Yang Berhormat Mulia telah sebutkan tadi luar jangka; kalau luar jangka tidak akan meningkat begitu banyak.

Saya akan menyentuh tentang Jabatan Perkhidmatan Awam. Nampaknya yang diminta peruntukan yang lebih itu adalah untuk biasiswa, lebih daripada \$120 juta. Dua tiga minggu yang lepas, saya pernah bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh negeri-negeri seberang laut tetapi jawapannya ada sebahagiannya tawaran itu lewat. Ini pada pendapat saya tidak benar, cuma mencari alasan sahaja untuk menjawab. Ada biasiswa-biasiswa yang ditawarkan kepada negara kita oleh negara asing, jadi kalau sesuai dan saya berpendapat mereka tidak akan menawarkan kalau tidak dikemukakan tawaran itu dengan lebih awal lagi dan saya pun tidak tahu atas

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Penjelasan. Jawapan yang saya beri semasa soalan jawab mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong bukan satu jawapan yang agak-agak ataupun bukan satu jawapan yang dibuat secara presumptous. Jawapan itu ialah berasaskan kepada adanya terbukti tawaran-tawaran yang dibuat dari luar negeri itu ada yang sampai lewat dan dengan sebab itu kita tidak dapat memproses dan menghantarkan nama dalam jangka masa yang telah ditentukan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya dapat tahu daripada sumber yang boleh dipercayai, ada sebahagiannya bukan kerana tawaran itu lewat tetapi kerana faktor-faktor yang tidak dapat diketahui, ditolak sama sekali. Sebab itulah saya menyeru supaya pihak yang berkenaan mengaturkan dengan lebih teratur lagi mengenai tawaran-tawaran biasiswa daripada negara seberang laut supaya tidak akan membazirkan peluang-peluang itu memandangkan permintaan begitu besar untuk

biasiswa-biasiswa. Tambah pula saya hendak melihat peruntukan-peruntukan yang begitu besar itu digunakan dengan betul tanpa pembaziran. Ini kita hendaklah memastikan tiap-tiap orang yang menerima biasiswa-biasiswa itu adalah sangat berkehendakkan biasiswa bukan atas sebab-sebab yang lain. Mereka layak dan dapat menggunakan biasiswa itu dengan baik.

Satu perkara lagi iaitu bersangkutan dengan Operasi Isi Penuh, yang sekarang ini kerana keadaan ekonomi yang meleset menjadi "Operasi Isi Tidak Penuh". Lebih daripada \$1 juta yang diminta untuk bayaran itu. Saya tidak tahu berapa isi penuh ini kejayaan yang dicapai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam itu, setakat mana. Saya berharap usaha-usaha akan diambil untuk menjalankan Operasi Isi Penuh itu dengan lebih baik lagi jikalau peluang-peluang mengizinkan kita berbuat demikian.

Berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama, perbelanjaan yang diminta lebih daripada \$152 juta untuk akaun Stok Penimbal Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima. Saya mengaku bahawa faktor yang pokok yang mengakibatkan harga bijih timah di negara kita menurun sehingga sampai ke paras yang sangat rendah bukan semata-mata kerana kesalahan Kementerian Perusahaan Utama kerana adalah faktor yang lain, terutamanya ekonomi antarabangsa. Tetapi pada pendapat saya Kementerian Perusahaan Utama, apa langkah-langkah yang diambil itu tidak mencukupi. Misalnya pertubuhan Badan seperti yang terdapat dengan OPEC. Sekarang ini walaupun ada ura-ura untuk menubuhkan satu badan antarabangsa seperti OPEC untuk bijih timah tetapi sekarang kita tidak nampak ada hasilnya. Saya berharap dengan permintaan yang begitu banyak, Kementerian Perusahaan

Utama hendaklah mempergiatkan aktiviti dan usahanya untuk menubuhkan badan yang sejajar dengan OPEC itu untuk bijih timah supaya lain-lain negara-negara pengguna tidak akan mengenakan penindasan dan ugutan ke atas negara kita tentang bijih timah itu.

Tuan Yang Dipertua, sukaulah saya menyentuh tentang permintaan daripada Kementerian Perusahaan Awam. Walaupun Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam sering kali menanamkan tebu di bibir mulut mengenai kejayaan ataupun kegagalan setengah syarikat-syarikat di bawah Kementeriannya. Di sini ada permintaan \$7 juta untuk membiayai perbelanjaan pengangkutan, bayaran ansuran bungkus membungkus dan lain-lain bagi pemberian 10,000 ton metrik beras rebus oleh Kerajaan Malaysia kepada Mali yang sedang mengalami masalah kekurangan makanan. Sungguhpun tindakan Malaysia itu betul tetapi kita tidak dapat tahu sama ada barang-barang yang kita hantar kepada negara Mali itu sampai ke matlamat yang kita maksudkan. Ini biasanya satu masalah bantuan kepada negara lain terutamanya kepada mangsa-mangsa kebuluran dan sebagainya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Penjelasan, Tuan Yang Dipertua. Berhubung dengan bantuan yang diberi kepada negara Mali itu sampai kepada matlamatnya.

Dr Tan Seng Giaw: Bersyukurlah kepada Tuhan, sampai ke negara itu sahaja atau sampai kepada mangsa-mangsa yang kita tuju. Oleh itu saya berharap pihak Kementerian Perusahaan Awam dari segi bantuan kepada negara-negara asing kita hendak memastikan apa yang kita hantar itu bukan sampai ke negara itu sahaja malah sampai kepada mangsa-mangsa yang kita tuju.

Berkaitan dengan Jabatan Penerangan, permintaan lebih daripada \$11 juta. Memang, saya bagi satu contoh. Pada awal sidang Parlimen ini saya ada bangkitkan tentang hal-hal yang berlaku seperti di Kepayang, dengan penggunaan van-van Jabatan-jabatan Penerangan untuk tujuan selain daripada memberi maklumat-maklumat kepada pemilih-pemilih. Saya ada di situ sendiri dengan saudara saya, saudara Lau Dak Kee berdiri di situ dengan van itu di depan. Kita menyertai satu kempen untuk membersihkan Kampung Simee, di situ juga pada bulan Jun saya berdiri di situ dan saya nampak sendiri van itu dengan pembesar suara digunakan oleh pihak Barisan Nasional. Satu bukti saya boleh beri dengan saksi-saksi yang tertentu yang menunjukkan seringkali jentera-jentera Jabatan Penerangan bukan sahaja digunakan untuk maklumat, untuk menolong pemilihan-pemilihan dari hal pilihanraya umum, tetapi tambah daripada itu seolah-olah van Jabatan Penerangan menjadi van Jabatan Barisan Nasional. Jadi dengan permintaan yang begitu banyak, lebih daripada \$18 juta baiklah kita lain kali jangan melakukan penyelewengan seperti yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini saya suka menyentuh Kementerian Pengangkutan. Lebih daripada \$6 juta diminta untuk Sistem Penerbangan Malaysia. Walaupun jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkhidmatan MAS yang dikatakan baik, tidak ada kelemahan-kelemahan yang serius. Pada pendapat saya Ahli-ahli yang ada di dalam Dewan ini yang menggunakan MAS dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menggunakan MAS saya percaya kalau jujur dan ikhlas kita masih ada masa dalam keadaan yang tidak memuaskan. Saya menyeru sekali lagi supaya diadakan sistem penerbangan

yang kedua. Dengan adanya persaingan perkhidmatan bagi MAS itu dapat dipertingkat dan diperbaiki, kalau tidak ada mereka yang menerima aduan-aduan itu kadangkala membiarkan sahaja tidak mengindahkan kerana tidak ada alternative yang lain. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan dengan bertambahnya penumpang-penumpang itu menunjukkan perkhidmatan yang baik. Jikalau tidak ada alternatif memang ada tambah kerana hendak pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan cepat, kalau hendak pergi ke Ulu Muda dengan cepat kita hendak naik kapal terbang juga daripada lapangan terbang yang berhampiran. Jadi kerana permintaan yang besar dan perbekalan yang tidak cukup memang banyak penumpang lagi akan menggunakan MAS. Oleh itu alasan yang diberinya bukan satu lesen yang baik kerana itu saya mengulangi supaya pihak Kementerian Pengangkutan mengadakan sistem penerbangan yang kedua untuk kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah nampaknya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa berwaspada apabila saya sebutkan tentang Kementerianya. Berkenaan dengan RISDA, yang meminta peruntukan yang banyak lebih daripada \$30 juta, kini kita tidak dapat tahu selepas beberapa tahun kebelakangan ada penyelewengan tentang jualan baja yang mana baja itu menjadi beku dan sebagainya sama ada setakat ini dengan langkah-langkah yang kononnya diambil oleh Kementerian yang berkenaan, prestasi dan hasil Kementerianya seperti baja dan sebagainya ada subsidi, sama ada keadaannya sekarang pulih semula kepada keadaan yang baik.

Tuan Yang Dipertua, ada permintaan daripada Kementerian Pelajaran \$30 juta. Saya hendak menyentuh tentang pelaksanaan 3M dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang mana ini akan dilaksanakan secara menyeluruh pada awal tahun hadapan. Saya telah membuat penyiasatan dari 19 buah Sekolah termasuk dua buah sekolah yang sekarang ini ada percubaan Sistem KBSR. Saya dapati bahawa pihak Kementerian Pelajaran melaksanakan Sistem KBSR ini dengan terlalu gopoh-gapah. Setakat ini kita tidak dapat tahu sama ada sistem itu akan dapat kejayaan yang cemerlang, kita tidak dapat tahu lagi di negara kita tetapi untuk peringkat percubaan cuma satu tahun bagi 302 buah sekolah. Pada pendapat saya tidak cukup.

Bagi tahun depan soal yang pokok sekali iaitu saiz kelas dan bilangan guru-guru yang terlatih untuk menjayakan KBSR ini. Nisbah yang dikeluarkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk nisbah guru-guru dan kelas itu ialah 1.5. Ini bermakna kalau tidak ada 10 bilik darjah Kementerianya akan memberi 15 guru (1.5). Setakat ini kebanyakan sekolah terutamanya di bandar nisbahnya 1.2 ataupun 1.3 sahaja.

Dalam 19 buah sekolah yang saya tinjau itu saiz satu bilik darjah itu lebih kurang 50 orang murid dan bilangan gurunya sekarang 1.2 atau 1.3 sahaja. Bagaimanakah kita akan melaksanakan KBSR pada tahun depan? Saya akan memberi satu contoh. Di Sekolah Yoke Hua di Kajang, mereka sekarang puratanya ada 45 orang murid satu bilik darjah dan jumlah bilik darjah ialah 8.

Saya telah membincangkan hal ini dengan guru yang berkenaan dengan teliti. Sekarang dengan pelaksanaan KBSR di sekolah itu, daripada 45 orang murid, 5 orang muridnya yang

pintar cergas dan 5 yang tidak cergas, cuma purata 30 yang average yang mendapat faedah sekarang ini dengan guru itu bertungkus-lumus tiap-tiap hari.

Saya beri satu misalan. Tiap-tiap hari guru balik daripada sekolah itu hendak menumpukan perhatian pada bahan-bahan pelajaran dan cara-cara pelajaran untuk keesokan paginya, sekurang-kurangnya dua hingga tiga jam tiap-tiap hari. Dengan bertungkus-lumus, guru yang berkenaan memberitahu saya, cuma yang dapat faedah itu 30 orang murid dan bakinya 5 kurang cergas tidak boleh bilang hingga 10 selepas hampir satu tahun menerima pelajaran. Yang 5 lagi itu yang pintar tidak ada awasan, tidak ada layanan pelajaran yang lebih baginya. Jadi kepada mereka saya pun tidak tahu hendak menjadi apa, mungkin lebih nakal lagi.

Jadi, keadaan bagi sekolah yang berkenaan Yoke Hua, tahun depan sekolah itu diberi izin untuk menambahkan satu bilik darjah lagi iaitu jumlah 9 buah bilik bagi tahap yang pertama. Dan bilangan murid itu akan bertambah kepada 50 orang murid untuk satu darjah—ada pertambahan tetapi guru itu tidak bertambah. Cuma nisbah itu 1.3 begitu sahaja.

Di kawasan Kepong, di situ saya ada tinjau 18 buah sekolah dan didapati purata saiz kelas untuk tahun depan ialah 50 orang murid dan nisbah bagi gurunya 1.3. Mereka ada diberitahu oleh pihak Guru-guru Besar, mereka boleh mendapat guru-guru sementara untuk tahun depan tetapi syarat-syarat yang dikenakannya termasuk mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam SPM. Kalaulah penuntut-penuntut lepasan sekolah SPM dapat kepujian dalam bahasa Malaysia, siapa hendak jadi guru sementara kerana mereka ada peluang lain. Sebab itulah saya berpendapat tidak realistik untuk

melaksanakan KBSR jikalau kita tidak dapat memenuhi nisbah yang disebutkan itu iaitu 1.5. Tambahan pula ada kemudahan-kemudahan lain yang tidak lengkap dikebanyakan sekolah dalam ketiga-tiga aliran itu.

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh apa yang hendak dinyatakan?

Tuan Khadri bin Sabran: Minta jalan.

Timbalan Yang Dipertua: Minta jalan!

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya berasa anih dan terperanjat mengenai apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai pencapaian pembelajaran dan pengajaran KBSR di dua buah sekolah seperti yang dicontohkan itu tadi. Pada saya sekolah-sekolah ini adalah merupakan sekolah-sekolah bandar di mana pencapaian pelajaran murid-murid bandar ini biasanya tinggi. Ini amat berlainan sekali antara satu ataupun dua buah sekolah di tempat saya. Tempat saya itu lebih kurang macam Ulu Muda juga iaitu kampung; sekolah pertama, Sekolah Kebangsaan Seri Pantai, yang kedua Sekolah Kebangsaan Endau. Saya dapati pencapaian pelajaran murid-murid yang mengikuti sistem pelajaran KBSR ini amat baik. Murid-murid kalau dibandingkan dengan sebelum mereka belajar mengikuti sistem KBSR dahulu sebelum tahun 1982 pencapaian mereka agak rendah tetapi setelah mereka melalui proses pelajaran dan pembelajaran KBSR yang dijalankan di dua buah sekolah seperti yang saya katakan tadi saya dapati murid-murid ini bagus.

Saya pergi menyelidik sendiri semasa saya menghadiri pameran KBSR yang diadakan di daerah Mersing dan di Endau baharu-baharu ini. Jadi kemungkinan kemerosotan pencapaian seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu tadi mungkin ada sebab-sebab lain. Mungkin dari sudut keikhlasan guru-guru itu sendiri setakat mana mereka ini ikhlas untuk menyampaikan pelajaran kepada murid-murid. Sekian, terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, pendapat Yang Berhormat tadi mengenai satu sekolah itu bukan satu contoh yang boleh dianggap sebagai contoh untuk seluruh negara. Saya mengambil kira 19 buah sekolah. Saya anggap ini boleh jadi satu contoh sekurang-kurangnya untuk sebahagian sekolah di negara kita. Tambahan pula, sekolah-sekolah itu adalah sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang agak lebih baik daripada purata. Saya beri satu contoh di Petaling terdapat satu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China—Chin Woo di mana adanya 10 kelas yang dalam peringkat percubaan pelaksanaan KBSR. Ini sekolah yang terpilih dan terbaik. Misalnya Kementerian Pelajaran memberi buku, bahan-bahan dan sebagainya berharga lebih kurang \$5,000 pada tahun lepas tetapi pihak ibubapa dan pihak Lembaga Sekolah itu mengeluarkan wang sendiri \$50,000 untuk menjayakan sistem itu. Jadi berapa sekolahkah di seluruh negara terutama sekolah-sekolah di luar bandar berupaya mengeluarkan \$50,000 untuk menjayakan sistem itu. Saya ingat tidak banyak. Inilah saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan perhatian yang lebih lagi tentang pelaksanaan KBSR.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya minta jalan. Inginlah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Sekolah Kebangsaan Seri Pantai hanya

mempunyai bilangan murid lebih kurang 200 orang sahaja iaitu digolongkan di dalam sekolah "C" di mana peruntukan kewangan daripada Kerajaan adalah sedikit tetapi oleh kerana guru-guru di sekolah kebangsaan tersebut mempunyai semangat dan perasaan untuk memberikan pendidikan kepada anak bangsa mereka dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab, maka sekolah kebangsaan itu berjaya di dalam menyampaikan pelajaran dan pembelajaran mengikut konsep KBSR.

Dr Tan Seng Giaw: Soalnya sekarang berapa peratuskah guru-guru yang akan terlibat dalam pelaksanaan KBSR dengan menyeluruh itu, berapa peratuskah yang mempunyai motivation, dedikasi dan sanggup berkorban. Saya percaya ada sebahagian besar yang bertanggungjawab, berdedikasi sekarang, tetapi adakah 100% ataupun sekurang-kurangnya 90-95%? Ini suatu soalan yang harus dijawab oleh Kementerian Pelajaran sebelum melaksanakan KBSR dengan menyeluruh. Dan kerana itu saya menyeru supaya peringkat percubaan bagi KBSR dilanjutkan sehingga tiga atau lima tahun sementara itu kita menyiapkan membuat peruntukan latihan dan sebagainya untuk sekolah-sekolah seluruh negara dan sekurang-kurangnya kita hendak mencapai nisbah gurunya 1.5% dan sekurang-kurangnya satu bilik darjah tidak lebih daripada 35 murid, sekurang-kurangnya.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya merasa sedih kerana perbelanjaan yang berulang tahun untuk OCAR, untuk sekolah-sekolah untuk suku tahun yang terakhir ini diberhentikan. Walaupun saya ada membangkitkan hal ini dan kalau tidak silap saya Yang Berhormat dari Tanjong pun membangkitkan hal ini beberapa

minggu yang lalu, tetapi selepas saya bangkitkan hal ini, sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan menerima notis mengatakan bahawa bagi sekolah-sekolah yang bilangan murid itu lebih daripada 200 atau 250 orang tidak boleh menerima OCAR. Jadi bagaimana kita hendak melaksanakan KBSR yang akan memakan belanja berjuta-juta ringgit jikalau OCAR ini tidak diberikan kepada sekolah-sekolah. Mereka terpaksa menanggung beban ini dari punca kewangan tiap-tiap sekolah terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar daripada kantin, daripada jualan buku-buku, itu tidak cukup. Dengan ini saya menyeru pihak Kementerian Pelajaran janganlah kita tarik balik OCAR bagi perbelanjaan berulang tahun ini bagi tiap-tiap sekolah di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

5.25 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang Dipertua, dalam membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dimohon bagi tahun 1981 dan 1982 ini, saya juga ingin menyentuh dalam beberapa perkara untuk mendapat perhatian supaya segala matlamat dan perancangan daripada perbelanjaan yang dimohonkan itu akan dapat sebenar-benarnya memberikan perbelanjaan yang manfaat dan mendatangkan sepenuh-penuh faedah.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya belanja yang dimohonkan ini adalah merupakan belanja yang begitu perlu sekali kerana belanja tambahan yang dimohon ini ialah bagi tambahan tahun 1981 dan 1982 yang telah pun terpaksa dibelanjakan kerana memandangkan beberapa perancangan dan pentadbiran yang seharusnya berjalan dengan licin dan lancar tidaklah boleh kita ketepikan begitu sahaja dan kalaulah sekiranya kita tidak memberi perhatian, maka sudah pastilah matlamat Cekap, Bersih dan Amanah

ini tidak akan dapat diwujudkan dengan lebih sempurna. Cuma saya ingin membuat beberapa teguran tentang perancangan dan pelaksanaan pembangunan-pembangunan.

Pelaksanaan dan perancangan pembangunan-pembangunan yang dibuat adalah bertujuan untuk memberi manfaat dan faedah kepada rakyat jelata dan tujuan pembangunan-pembangunan yang dibuat adalah juga untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Saya kerap kali bercakap di Dewan ini mengenai dasar-dasar perancangan dan juga mengenai pelaksanaan dan mengenai kekesanan dan boleh dikatakan setiap tahun saya membangkitkan masalah ini kerana dalam pada itu pun masih kedapatan di pihak perancang, pihak pelaksanaan kurang mencapai matlamat kekesanan disebabkan oleh kerana kurangnya perhubungan ataupun kurangnya komunikasi di antara peringkat perancang, pelaksanaan dan kekesanan.

Suka saya berikan satu contoh yang nyata di sini dan saya harap contoh yang saya beri akan benar-benar mendapat perhatian pihak Kementerian yang berkenan kerana perancangan ini bukan baru, daripada tahun 1980 sampai sekarang ini masih belum selesai.

Salah satunya rancangan ialah Rancangan Pembangunan Jalan Luar Bandar bagi kampung dalam kawasan saya iaitu Kampung Sungai Badak dan Kampung Jalan Kubur, Gurun, Kedah. Apa yang menarik perhatian saya di sini ialah perancangan pembinaan jalan itu tidak pun dibincangkan dengan pihak-pihak yang tertentu yang dapat membawa pelaksanaannya dengan lebih sempurna dan memberi manfaat kepada rakyat. Inilah kerap kali yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan

ini dan apabila dibangkitkan di Dewan ini ataupun di mana-mana juga di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah ataupun di tempat-tempat lain, pihak-pihak yang merancang terutama sekali pihak-pihak yang kononnya sebagai profesional dalam bidang-bidangnya menganggapkan Wakil-wakil Rakyat ini sebagai pengacau ataupun orang-orang yang tidak sepatutnya campurtangan dalam pengurusan dan pentadbiran tetapi jelas yang terjadi sekarang ini rancangan yang dibuat iaitu pembinaan jalan ke kampung yang saya sebutkan tadi hanya mendapat maklum kemudian iaitu ada jalan yang akan dibuat di tempat itu dan pengambilan tanah telah diambil di mana orang-orang kampung sendiri tidak diberi makluman apakah jalan yang dibuat itu dan bentuk manakah jalan yang dibuat itu, sehinggalah persetujuan diberikan oleh orang-orang kampung dan JKK sendiri tidak tahu dan Pegawai Daerah sendiri tidak tahu, akhirnya jalan itu dibina dan apabila jalan itu dibina rupa-rupanya jalan yang dibina itu tingkat jalan itu sama tingginya dengan tingkap rumah-rumah orang yang ada di sekitar jalan yang dibuat.

Saya tidak tahu apakah maknanya jalan ini dibuat dan untuk apa jalan ini dibuat, kalau jalan yang dibuat itu sama tinggi dengan tingkap rumah-rumah yang ada di tepi jalan itu sendiri sedangkan saya rasa tidak perlu begitu sekali jalan yang paling tinggi dibuat hampir 8 kaki tingginya jalan itu dan untuk apa jalan itu dibuat? Pada hal kalau jalan itu ditimbun dengan batu-batu sahaja sudah mencukupi dan dengan jalan yang tinggi begitu dibuat dengan tidak adanya pemetung-bemetung air yang boleh dilalui, akhirnya sudah karam pula kampung itu dengan kerana air tidak dapat keluar daripada kawasan perumahan dan begitu juga tanah-tanah lumpur di atas jalan raya sudah mengalir masuk ke dalam rumah sedangkan orang-orang yang di kawasan ini juga tidak

dapat menggunakan jalan itu kerana jalan yang berdekatan rumahnya boleh dikatakan sama tinggi dengan paras kepalanya sendiri.

Selain daripada itu timbul pula satu masalah lain di mana sebuah rumah telah terkena anjung rumahnya atas jalan yang diambil sedangkan dari permulaannya tidak pun dibuat kajian mengatakan rumah itu terkena di atas tanah yang berkenaan, kecuali tanahnya sahaja yang terkena dan apabila timbul masalah pembinaan jalan, sekarang ini rumah itu terpaksa hendak dipindahkan, pihak JKR sendiri tidak sanggup memberi peruntukan untuk memindahkan rumah itu, kononnya kerana tidak termasuk dalam peruntukan asal. Perkara itupun tidak mengapa lagi—tanah yang terkena pembinaan jalan yang saya katakan tadi di atas tanah salah seorang tuan tanah ini telahpun dibayar satu cek Nombor 023685, Bank Bumiputera Malaysia Berhad bernilai sebanyak \$44 bertarikh 10hb Jun, 1980 dan pada hari ini 2hb Disember, 1982, tuan punyanya yang bernama Khalijah binti Haji Nik Abdullah masih belum menerima cek ini. Saya minta Menteri yang berkenaan tolong siasat perkara ini, dan kalau boleh minta BPR tolong ambil peranan, sungguhpun wang yang terlibat hanya \$44 tetapi perkara yang seumpama ini melibatkan kecuaiian yang tidak boleh dimaafkan dan memalukan dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang sedang berjalan.

Saya boleh memberikan salinan surat ini kepada pihak yang berkenaan dan surat ini ditulis oleh Jurutera Kerja Kanan Jalan Luar Bandar bagi pihak Pengarah Jabatan Kerajaraya Negeri Kedah dan ada plan-plan jalan yang terkena rumah itu dan sebagainya yang diberikan. Inilah yang saya katakan tadi bahawa kerap kali perancangan, pelaksanaan dan kekesanan seharusnya mempunyai koordinasi dan

mempunyai komunikasi yang boleh menyelaraskan kefahaman supaya matlamat perancangan pelaksanaan dan pembangunan itu memberi faedah dan manfaat kalau tidak, ianya akan membawa satu gejala yang buruk yang mungkin akan menjadi satu kecaman yang berat terhadap Kerajaan daripada apa yang dilaksanakan itu.

Yang keduanya, yang saya akan sentuh di sini ialah mengenai dasar Pusat Latihan Belia terutama sekali tentang darjah kecekapan yang mungkin dapat diwujudkan daripada Pusat-pusat Latihan Belia. Salah satunya yang saya akan berikan sebagai contohnya ialah latihan motor mekanik dan juga latihan bidang pembinaan. Apa yang kita harapkan ialah Pusat-pusat Latihan Belia di negara kita ini akan melahirkan jenerasi belia terutama sekali di kalangan bumiputera bagi dapat menyertai di dalam bidang pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, tetapi jangka masa latihan di pusat-pusat Latihan Belia yang diberi memakan masa dan banyak peruntukan sedangkan pencapaian darjah kecekapan itu amatlah rendah jika dibandingkan dengan keperluan semasa. Misalnya di dalam bidang kaji sawat motor, jentera-jentera kereta yang ada boleh dikatakan jentera-jentera tahun 1958 dahulu dan tidak ada jentera-jentera kereta baharu yang diberikan untuk dapat belia-belie yang berlatih di Pusat-pusat Latihan Belia ini mempelajarinya. Dan dengan itu apabila belia-belie ini keluar daripada pusat-pusat latihan itu, mereka tidak dapat pengalaman yang mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja daripada pelajaran-pelajaran yang mereka dapati.

Begitu juga di dalam bidang pembinaan di mana kita dapati hanya beratus-ratus ketul batu-bata sahaja untuk latihan pembinaan yang ada di Pusat-pusat Latihan Belia sedangkan

kecekapan, kepantasan dan pengalaman yang lebih tidak diwujudkan. Jadi saya mencadangkan di sini supaya di Pusat-pusat Latihan Belia ini untuk masa-masa yang akan datang ataupun khususnya tahun 1983 nanti diwujudkan alat-alat keperluan yang sejajar dengan perkembangan semasa semoga latihan-latihan yang didapati kelak akan membawa kecekapan yang dapat mendorong mereka ini menyertai bidang-bidang yang mereka pelajari, misalnya kalau dalam bidang motor mekanik, bererti jentera-jentera yang sesuai dan sejajar pada masa ini dan demikian juga jika di bidang bangunan, seharusnya mempunyai sedikit masa di pusat latihan itu untuk dapat memberikan latihan praktikal kepada belia-belie yang berada di pusat-pusat itu keluar daripada pusat-pusat itu dan mengambil latihan praktikal dengan kontraktor-kontraktor bumiputera misalnya untuk membawa kecekapan dan kemahiran yang lebih di samping mereka mendapat latihan asas di Pusat Latihan Belia itu sendiri. Kalau tidak, saya rasa harapan kita untuk mencapai matlamat yang lebih luas dan lebih sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru tidak mungkin dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Satu lagi yang saya akan sentuh di sini ialah tentang sistem perakaunan bagi jabatan-jabatan baik pun Kementerian sendiri yang seharusnya dikaji semula semoga sistem perakaunan ini dapat diup-to-datekan di mana kita dapati pada setiap tahun apabila Laporan Odit keluar dan dibentangkan di Dewan ini, banyak komen-komen dan banyak perkara-perkara yang dibangkitkan yang kurang memuaskan. Dan saya percaya dalam jawapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini dahulu telah pun menjelaskan bahawa pihak Kerajaan sendiri pun telah memberi perhatian yang serius kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Odit Negara dan telah pun

mengambil beberapa tindakan tetapi menurut apa yang saya difahamkan masih lagi keadaan ini tidak dapat membawa penyelarasan yang lebih sempurna dan kadangkala Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang ada di peringkat negeri-negeri masih lagi belum dapat menyelaraskan perakaunannya dan kadangkala akaun-akaun yang ada ditempatkan di negeri-negeri tidak up-to-date. Dan dengan keadaan ini membawa beberapa salah faham ataupun kekeliruan kalau sekiranya terdapat pula penyelewengan-penyelewengan sudah tentulah lambat untuk dapat dikesan dan tidak dapat untuk diambil tindakan dengan seberapa segera. Misalnya dalam akhbar Watan telah beberapa kali menerbitkan "Penyelewengan penggunaan wang di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat" dan pada hari ini keluar lagi berita dalam akhbar itu mengenai penjelasan yang dibuat oleh seorang pegawai yang berkenaan itu sendiri, sedangkan masalah-masalah yang seumpama ini tidak seharusnya berbangkit kerana tanggungjawab dan tugas yang telah diletakkan adalah sudah mencukupi untuk melaksanakan peranan masing-masing.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) bagi tahun 1981 dan 1982.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.40 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*). Tuan Yang Dipertua, I refer to Anggaran Pembangunan (Tambahan (Bil. 2) Tahun 1982, on page 8, Butiran 2, Pembangunan Padang Terbang Kuching—Peringkat III—Bangunan Persinggahan Baru, where there is an allocation of \$13,900,000.

Tuan Yang Dipertua, as I said in this House during the debate on the Budget, I pointed out that transport is the most crucial lifeline in Sarawak because of its peculiar geographical position. An so especially when roads are very ill developed—there is only one trunk road, most of it is not sealed, through very difficult terrain—and the ports are also not very properly developed for the marine industry for the transportation of goods, air transport becomes the most important form of transportation or communication in Sarawak. And so a lot of hope was placed on the Kuching Airport Extension when it was announced to solve many of the urgent problems—problems of overcrowding on flights within Sarawak itself, between Kuching and Semenanjung Malaysia and Singapore—and to solve the problem of air cargo mishaps that happened very often; very often thefts occurred of goods causing unnecessary losses to the people. So a lot of hope was placed when the airport extension project was announced, especially when it was announced that the extension project would be finished in October, 1981. However, now the revised target date of completion for the above-mentioned project is July next year; and in this House just a few weeks ago, I was told by the Minister that the reasons for the delay was because the contractor had financial difficulties. He could not finish the job, therefore the job had to be passed on to a different contractor and an extra expenditure of \$7.6 million was incurred.

Tuan Yang Dipertua, I view this situation with very grave concern because at the moment when the wind of change is in the stage of germination in this country, when the “2M” Administration is promising the people a new mood, a new work ethics, a new spirit of social reform, while taking on the platform of creating an

Administration that is “clean, efficient and trustworthy” as a sort of a leadership slogan, a sort of showing a personal example of moving the Civil Service, moving Ministers, before you move the people at the moment when this is happening, there is really no cause for this long delay in the Kuching Airport Extension Project involving an extra expenditure of \$7.6 million; and whether it will be finished in July next year or not we are still not certain.

Now the same unhappiness I have about this so-called now social movement of having a “clean, efficient and trustworthy” Administration, having a new work spirit among the people, is that so often, although the Barisan Nasional Government accept certain mistakes they make, they are so unwilling to come up and admit them and announce plans for their rectification for avoidance of future mistakes.

Take, for instance, a few days ago I was in this House, again by the Deputy Minister of Finance, that in the case of the Sheehan Company which defaulted payment of \$6 million on oil royalty, on that case alone the Government had to write-off a \$6 million debt. Now, while the write-off of debts owed to the Government that way seemed inevitable, given the explanation he presented in this House, what I was more interested in was what steps were actually taken to investigate into the signing of the contract, the terms and agreements of the purchase of oil between, say, the Malaysian Government and the Sheehan Company. The point is not so much to embarrass the Government alone, but to ensure that this sort of costly mistake will not take place in the future, because you may want to be clean, efficient and trustworthy, but you must also be seen to be clean, efficient and trustworthy, and for that, public accountability, public answerability

will do more for the morale of the people than just giving the typical answer that the Deputy Minister gave me at that time—that the supplementary question was out of order and he didn't want to answer it. It is typical of many of the answers given to oral question in this House.

Now, in trying to get this new spirit going, I think the question of motivation of the people as a whole hinges tremendously on, again, the leadership role played by the Civil Service.

So I refer to page 4, Butiran 1, Maksud P. 8, Jabatan Perkhidmatan Awam—Institut Tadbiran Awam Negara, where there is an allocation of \$23,400,000 for the year 1982. Again, so far as improving Government efficiency is concerned, I feel that the Public Service nowadays, with all respects and with no offence meant to any of the senior officers present, is slowly becoming a place where a person looks for a life-long job, a security blanket, and that is it. Although many of the high-ranking officers get tremendous personal satisfaction out of working for the Government, because there are tremendous opportunities for them to develop their potentials, to make important decisions affecting the fate and destiny of the people—in fact, politicians may come and go, but senior civil servants seldom do; they usually retire or die on their jobs, unless they commit serious contraventions of the law. Now, unfortunately, it may also slowly turn into a security blanket where a person just looks for a job, for a pay cheque at the end of the month and if you really want to change the administrative spirit of this country, I feel, that the same appeal towards a proper and laudable work ethics on the part of the people should also supply to the Public Service, because to most people in the Public Service, especially

the lower ranking public servants, there is no difference between a genius and fool in the Public Service, Tuan Yang Dipertua, because no matter how hard you try, you get the same pay and no matter how badly you do it, they seldom sack you anyway.

We have the famous Parkinson's Law in fact—a book about bureaucracy and bureaucratic delays and a lot this psychical defects of public bureaucracy was written because of the author's experience in Malaya in the pre-independence days. Now, this is sad. You take another instance, Tuan Yang Dipertua. I will mention a very obvious example—the medical profession. Most doctors are, again, like many senior Government servants. They get a certain amount of satisfaction out of their job; they have a chance to develop talents; they have a certain amount of authority, which give them a certain amount of personal satisfaction. In the case of the nursing profession, in the case of the para-medical personnel, there is too often the tendency for them to look upon the Government Service as jobs with pay cheques at the end of the month and maybe a pension at the end of their service.

I would suggest, Tuan Yang Dipertua, that perhaps in the Public Service there should be instilled the spirit that a job in the Public Service is like any other job, like making a living on your own in the private sector, which is itself a vocation—it is not just a job—especially in the nursing profession, where the nurses are there not just to push pills, to turn you over to give you bedpens, but also to have compassion, a sense of empathy with the patients, a sense of closeness with the sufferings and death of the fellow human beings, but at the same time to be able to detach themselves so that they don't get vulnerable, they don't get hurt and then they have nervous breakdown.

Now these are just a few examples that I mention. Another area is the Police. Again, here the Police Commissioners, high-ranking officers, usually they get satisfaction and they do well. But there are many in the Police Force I know for a fact who are just sinking into the rut and then you try to ask these people to give more than they can, to do their duties beyond the call of duty, to sacrifice themselves for King and Country; it sometimes just feeling to distant, and even higher pay, even better fringe benefits will not achieve the objective. So these are some of the suggestions I make with regard to improving efficiency among the Public Service. Principally it is to just instil the new spirit and for that, to motivate the people, the Government servants, towards that objective, I think there is a very important concept here, and that is participation in decision making, so that in any major Government policies, any major implementations of the Government policies, if possible—sometimes time does not allow it—but if possible, if the people are allowed a chance to provide feedbacks, opinions, allow them to at least voice their fears and aspirations, then I feel that the people can be motivated as a whole, better than just passing the policy down as *ex cathedra* and, therefore, infallible from the Government power centres.

An obvious example is the 3R curriculum. When it was announced although it received many protests from the people, it looks inevitable now, thanks to the majority of the Barisan, that it is going to ram through its original plan to implement it in all primary schools beginning next year. What could have happened was, of course, to perhaps have more dialogues between the Education Ministry and parents and educational bodies—this is just giving examples, to give people more chance to have their say in line with the liberalisation policy of the new 2M administration, and in nowhere

else in the world and in no place in history you will find a people disallowed from expressing their opinions, can work further than themselves. If people are not allowed to say their piece, what they do is that they withdraw, then they can make as much money as they can, steal if they can and this will create a very unhealthy atmosphere, an unhealthy climate for the development of the country.

Now, I understand, of course, that for long we have had a major problem in development and that is usually the shortage of funds and, therefore, apart from foreign loans, apart from increasing productive output, increasing productivity, efficiency, a major aspect of development, a major aspect especially in terms of restructuring society, Tuan Yang Dipertua, is foreign investment, but let us not forget that even in foreign investment we do not want to become another colony of economic colonialisation. What I am saying is that there are many, many foreign companies; these multi-national corporations, huge international corporate giants, have actually on headquarters anywhere but have their fingers and tentacles everywhere. It has been specialised that some had even caused the overthrow and change of Governments in certain parts of the globe.

Now, if it is a design to attract their investment so that at least they can work on a joint-venture basis, then perhaps let us be on guard—in fact, we must definitely be on guard—that the benefits due to us must be equitable to the people of Malaysia who own the wealth of this nation and for whom such economic venture is aimed at bringing benefits.

Now I thinking, for instance, that in terms of foreign investment, in terms of setting up foreign industries in Malaysia, perhaps we should place top

priority whenever Malaysian business has any form of cooperation with foreign businesses, no matter whether it is England, whether it is Japan, whether it is Australia or Antarctica, no matter whether we look west, look east, look south, look north or looking within ourselves, there is that one single principle, and that is we must insist on the transfer of knowledge, the transfer of technology. If technology is going to release us from the grips and handcuffs of poverty, then let us get it. This may be difficult especially when you talk in terms of the "turn-key" project, Tuan Yang Dipertua. The turn-key project, because of the high penalties involved, the turn-key contractors are going to finish the job as soon as possible and thereby giving no opportunities to train local youths. They may send of our youths overseas as a token training but that is not what we want. We want the training of our youth on the spot, on the job, in-service training. We want to know what they know. If they can know what they know to improve their lot over a short period of time, we want to know that. In terms of transfer of technology, at the same time there is also a danger of over-technology; technology that we cannot absorb, technology which we cannot export, because in the national technology market it is extremely competitive. In so far as we can look upon these few major aspects, perhaps we can then go among the people and educate them and give them the new spirit of learning, of wanting to improve ourselves, then perhaps we may have a chance, no matter whether we look east, west, south or north. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Menteri-menteri hendak menjawab?

5.55 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya suka menjawab

beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh khususnya Yang Berhormat dari Kepong.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan juga sahabat saya dari Bandar Kuching tadi ada menyebut sedikit sahaja tentang cadangannya sebagai satu contoh supaya pihak Kementerian Pelajaran mengadakan lebih banyak lagi dialog dengan ibu bapa sebelumnya kita melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini, iaitu yang telah terkenal dengan 3M.

Tuan Yang Dipertua, apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu tidaklah merupakan satu-satunya perkara yang baru bahkan ianya merupakan permainan lagi rekod yang rosak, dengan izin, repeat the same thing over and over again, sungguhpun beberapa kali perkara ini telah diberi penjelasan dengan begitu detail oleh Yang Berhormat Timbalan-timbangan Menteri Pelajaran, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri. Beliau telah nampak saya merupakan seorang yang idealistic kerana perkara yang disebutkan, umpamanya dia mengatakan adalah tidak realistik kalau kita melaksanakan KBSR sebelum beberapa syarat itu dapat dipenuhi, umpamanya cukup bilik darjah, cukup kewangan, cukup guru yang terlatih dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, di antara perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi ialah tentang Kementerian Pelajaran ini adalah bergopoh-gapah melaksanakan KBSR ini dan tidak dapat tahu sama ada ianya akan mencapai kejayaan ataupun sebaliknya.

Tuan Yang Dipertua, perlu saya nyatakan di sini bahawa tujuan kita mengadakan satu sistem baru ini iaitu sistem KBSR ini ialah supaya anak-anak kita khususnya di Darjah Satu

permulaan mendapat skill yang basic, iaitu supaya mereka pandai membaca, menulis dan mengira. Ini adalah hasil daripada recommendation Jawatankuasa Kabinet Pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu menjadi Menteri Pelajaran dan di antara rumusannya ialah supaya kita menentukan bahawa anak-anak kita mendapat basic skill ini dahulu sebelum mereka mendapat pengetahuan, iaitu dengan izin, acquire basic skill before you acquire knowledge.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat menyoalkan kebijaksanaan Kementerian Pelajaran melaksanakan KBSR ini. Saya kesal sedikit bahawa pandangan beliau merupakan satu pandangan yang negatif tetapi ini saya tidak hairan oleh kerana beliau adalah dari pihak Pembangkang kerana ada bermacam orang dalam dunia ini, ada orang apabila diberi penjelasan itu mahu menerima dan ada orang walau apapun penjelasan diberi oleh kita betul pun tak betul juga dikatakan.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah membuat ketetapan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, beliau telah mendapat peluang bercakap lebih panjang biarlah saya bercakap kerana saya telah lama tidak bercakap dalam Parlimen ini (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Dia ketagih lama tidak bercakap! (*Ketawa*).

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Dia ada peluang nanti dalam Jawatankuasa kalau dia hendak bercakap. Out of practice, Tuan Yang Dipertua (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, kita mempunyai keyakinan yang penuh bahawa insya Allah pelaksanaan ini akan mencapai kejayaan sungguhpun memanglah menjadi realistik bagi kita bahawa memang ada "teething problem" pada mula-mulanya tetapi dengan adanya langkah-langkah yang kita ambil bagi menjamin kejayaan ini, insya Allah saya yakin bahawa segala cadangan-cadangan dan hasrat kita akan tercapai.

Daripada segi nisbah guru umpamanya dan juga kelas-kelas yang begitu besar kita mengaku memang ada juga kelas-kelas yang begitu besar umpamanya kelas yang mempunyai bilangan 50 tetapi kita mempunyai cara dan usaha untuk mengatasi kesulitan ini iaitu dengan menambahkan bilangan guru untuk kelas-kelas yang besar seperti ini. Itu yang saya katakan di mana yang perlu nisbah guru ini akan ditambah dari 1.2 kepada 1.5.

Begitu juga kekurangan bilik-bilik darjah. Satu daripada caranya kita akan menambahkan bilangan bilik darjah sungguhpun untuk menambah bilik-bilik darjah ini tidaklah dapat dibuat dalam masa yang begitu singkat. Walau bagaimanapun memang ada usaha-usaha pihak Kerajaan untuk berbuat demikian. Begitu juga tentang bilangan guru yang terlatih, guru-guru yang akan mengajar kelas-kelas KBSR ini semuanya telah diberi dan akan diberi latihan supaya mereka ini diberi pendedahan kepada sistem baru ini.

Begitu juga tentang peruntukan-peruntukan kerana Yang Berhormat tadi ada menyebut oleh kerana OCAR pun dipotong bagaimana kita hendak melaksanakan KBSR ini. Saya lupa minta dia memberi penjelasan apa OCAR ini tadi.

Tuan Yang Dipertua, mengenai peruntukan ini

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong minta jalan pula.

Dr Tan Seng Giaw: Untuk penjelasan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: OCAR ialah Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT).

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pronounciationsnya bukan OCAR. (*Ketawa*). Tuan Yang Dipertua, mengenai peruntukan, saya sendiri telah meminta pihak Kementerian bahkan meminta khusus dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya memberi peruntukan yang mencukupi untuk KBSR ini kerana kita di Kementerian Pelajaran mendapati bahawa ini merupakan satu projek yang amat penting bagi kita laksanakan.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah sahaja serba sedikit pandangan saya untuk menjawab beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh sahabat saya dari Kepong.

Mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tentang mengadakan lebih banyak lagi dialog dengan ibubapa, sebenarnya sebelum kita melaksanakan KBSR ini sama ada daripada segi pilot project mahu pun di masa kita melaksanakan ini, dialog di antara pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan Pelajaran Negeri memang diadakan, bahkan saya sendiri pun telah mengadakan beberapa dialog sama ada dengan pihak-pihak ibubapa ataupun PTA (Persatuan Ibubapa dan Guru-guru) mahu pun parti-parti politik termasuklah parti Pembangkang—Yang Berhormat

Ketua Pembangkang dengan rakan-rakannya dan juga Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar; masa itu Yang Berhormat dari Kepong belum ada lagi, jadi tidak ada datang bersama dan juga parti lain termasuklah parti SUPP, MCA dan GERAKAN. Saya mengadakan dialog dengan mereka untuk memberi penjelasan tentang hasrat, tujuan dan falsafah KBSR ini. Begitu juga dengan ahli Lembaga.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Dia tidak beri jalan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: ahli Lembaga Sekolah-sekolah Cina di Pulau Pinang di mana saya telah mengadakan satu perjumpaan khas dengan mereka dan saya difahamkan bahawa selepas penjelasan yang saya beri di Pulau Pinang pada masa itu mereka adalah sangat berpuas hati.

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu.

6.05 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, yang telah memberi beberapa pandangan atas Kementerian saya dan juga tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Kementerian saya.

Yang pertama, saya suka mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atas "mathematical efficiency of the Honourable Member", dengan izin, sebab sebagai

Menteri dan juga sebagai seorang Akitek, saya telah menggunakan jalan itu beberapa kali, dalam tempoh satu bulan kira-kira lebih kurang 10 atau 20 kali. Tetapi apa yang saya menyaksikan lubang-lubang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban bukanlah 100 seperti apa yang kita dengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya mengaku ada 2 lubang (*Ketawa*)—98 daripada kira-kira itu saya tidak tahu di atas jalan Lebuhraya Kuala Lumpur-Serembankah atau Lebuhraya yang lain.

Walau bagaimanapun Kementerian saya telah menerima beberapa aduan-aduan daripada rakyat jelata dan lebih kurang 2 minggu yang lalu saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri iaitu keretanya pun telah rosak, sebab ada satu lubang telah merosakkan kereta beliau. Dukacita perkara ini sudah berlaku. Walau bagaimanapun Kementerian saya dan Lembaga Lebuhraya telah mengambil beberapa keputusan untuk memperbaiki keadaan ini lebih kurang 2 hari yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan jalan raya di tanahair kita dan juga berkenaan dengan tindakan-tindakan dan program-program Lembaga Lebuhraya Malaysia, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri faham iaitu lebih kurang 3 tahun yang lalu barulah kita menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan selepas itu Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengambil alih jalan iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Walau bagaimanapun kita telah mengutip tol daripada bulan Mac tahun ini tetapi saya dengar banyak aduan-aduan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selepas saya memulakan mengutip tol ini. Sebelum kita mula mengutip tol itu

tidak ada apa-apa aduan, sebab siapa yang bayar, khasnya selepas saya telah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia dalam *gazette notification* iaitu kita mesti mengutip wang tol daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, aduan sudah lebih daripada lima kali ganda dari apa yang saya dengar dahulu.

Walau bagaimanapun, saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengambil tindakan untuk mengadakan satu work force iaitu akan menjaga, menyiasat dan juga akan menjalankan semua tindakan-tindakan untuk memperbaiki jalan-jalan di seluruh tanahair kita dalam bidang kuasa mereka sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan sedikit apakah tugas-tugas kami iaitu tugas Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam khasnya ada 3 jenis jalan. Jalan yang pertama ialah jalan Persekutuan dalam bidang kuasa Menteri sendiri, yang kedua ialah jalan-jalan negeri dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walaupun mereka menerima wang peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk memperbaiki keadaan-keadaan jalan itu, sama ada mereka mengambil tindakan atau tidak Menteri Kerjaraya tidak ada kuasa fine mereka. Jika Dewan ini memberi kebenaran kepada saya untuk fine tiap-tiap Kerajaan Negeri yang tidak memperbaiki jalan-jalan itu bolehlah, saya sukacita mengadakan kuasa itu dalam tangan saya mengikut Perlembagaan. Saya harap Ahli Yang Berhormat sedar. Kategori yang ketiga ialah jalan-jalan luar bandar. Tetapi nasib kurang baik, jalan kampung rosak pun siapa kena hentam? JKR sahaja, jalan daripada kategori negeri pun, JKR sahaja. Apabila rakyat jelata keluar daripada rumah mereka kaki yang pertama itu di atas JKR. Saya suka juga JKR jadi satu

Jabatan yang betul-betul bekerja untuk rakyat jelata (*Ketawa*). Sebab itu mereka tiap-tiap hari ingat sahaja nama JKR. Sebab itu nama JKR itu mereka sebut. "Jangan Kerja Rajin" tetapi itu bukan sebab mereka tidak suka JKR, mereka sangat suka JKR, itu sebab mereka patut beri "Jasa Kerja Rakyat". Misalnya, sekiranya seorang bapa ada seorang anak kecil iaitu the last son atau daughter, dia lebih sayang kepada anak itu. Oleh itu, saya harap rakyat jelata di negara ini mengambil JKR sebagai anak terakhir mereka. Itu sebab dia buat komen atas JKR hari-hari. Kita dalam JKR pun tidak panas hati, kita suka komen (*Ketawa*). Tetapi apa yang dikatakan oleh Dale Carnegie dalam perkataan beliau, "constructive criticism", kita mesti terima konsep constructive criticism.

Tuan Yang Dipertua, saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sekarang mengapa dia bertanding dalam pilihanraya di Kota Melaka kali ini, sebab dia sudah tahu. Dahulu dia pergi ke Petaling sebab susah hendak pergi ke Melaka. Sekarang JKR sudah buat jalan yang lebih baik, Kota Melaka pun tidak susah pergi, dalam masa dua jam boleh sampai Kota Melaka, dahulu Kota Melaka 3 jam baru sampai. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ambil perhatian perkhidmatan-perkhidmatan daripada Jabatan Kerjaraya dan juga Kementerian Kerjaraya. Walau bagaimanapun, saya ambil perhatian apakah teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil tindakan. Yang kedua

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Nanti sekejap, saya minta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya habis dahulu.

Dato' S. Samy Vellu: Saya beri jalan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Tidak boleh, ini Usul, minta habiskan ucapan dahulu.

Dato' S. Samy Vellu: Walau bagaimanapun, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai atas perkara-perkara yang beliau telah bangkitkan dalam Dewan ini. Walaupun perkara ini dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat, saya akan menyiasat dalam perkara ini dan perkara yang terakhir iaitu teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching berkenaan dengan turnkey project telah dijalankan oleh Kerajaan kita dan saya suka berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dalam turnkey project Kerajaan tidak lupa berkenaan dengan transfer of technology dan faedah kepada rakyat kita. Itulah, Tuan Yang Dipertua, komen daripada Kementerian saya, saya ucapkan terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 6.30 petang atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali yang kedua dan Usul

Pembangunan Tambahan disetujui diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis ikut yang mana terkemudian.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 6.30 petang atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali yang kedua dan Usul Pembangunan Tambahan disetujui diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis ikut yang mana terkemudian.

RANG UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1981

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1982

6.18 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin juga untuk memberi sedikit jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong di atas sentuhannya mengenai RISDA yang secara spesifik menegur tentang peredaran baja. Suka saya menyatakan bahawa menerusi RISDA

Kerajaan membelanjakan lebih kurang \$49 juta pada tahun lalu bagi membantu pekebun-pekebun kecil dalam bentuk agihan baja dan juga input pertanian. Setahu saya tidak ada baja yang didakwa sebagai keras atau tidak diedarkan kepada pekebun-pekebun kecil atau tidak sampai kepada mereka. Yang menjadi masalah cuma dari segi setor atau tempat-tempat yang memudahkan bagi pihak RISDA untuk menyimpan bahan baja ini di peringkat daerah, negeri dan juga di mukim-mukim. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang menyusun semula rancangan untuk pengedaran serta penyampaian baja ini ke peringkat yang lebih membina dan menjamin. Di samping itu juga beberapa langkah baru diambil oleh Kerajaan bagi menyusun semula pengedaran baja dan juga kemudahan-kemudahan asas pekebun-pekebun kecil.

Selaras dengan ini Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) di peringkat mukim adalah dalam proses pengubahsuaian supaya setiap PPPK itu merupakan pusat aktiviti pekebun kecil yang antara lain akan membantu mengatasi masalah-masalah baja itu.

Sedikit persoalan mengenai kegunaan atau kemajuan tanah Gula NS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya suka menerangkan bahawa projek ini walaupun telah menemui beberapa sengketa dan masalah, dari segi utiliti atau kegunaan tanah ianya telah menepati dasar dan matlamat yakni FELDA telah mengambil alih lebih kurang 17,000 ekar pada ketika itu tanah Gula NS dan ditukarkan menjadi ladang FELDA yang pada masa ini maju dan dalam keadaan yang membanggakan. Dari segi itu sahaja maka tanaman modal Kerajaan menerusi projek ini adalah viable.

Keduanya ialah pihak Polis Diraja Malaysia juga telah mengambil minat di atas tanah ini dan setakat ini membina sebuah Pusat Latihan Polis dengan jayanya. Jadi apa yang diperhitungkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa projek Gula Negeri Sembilan ini dari segi hasil penghujungnya tidak berjaya dapat kita tangkis dengan penerangan ini.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan terhadap beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Bandar Kuching dan juga dari Kota Melaka sebentar tadi.

Yang pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan juga menyarankan supaya sama ada Kerajaan akan menubuhkan sistem penerbangan yang kedua. Saya tahu Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan perkara ini semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian saya, tetapi tidak sempat saya jawab, jadi itulah sebabnya barangkali ditimbulkan lagi sekali supaya dapat jawapan diberi. Pada masa itu beliau telah menyatakan MAS—"Mana Ada Sistem" tetapi yang sebenarnya telah beberapa kali kami ataupun Kerajaan menegaskan MAS—"Mesti Ada Sistem".

Tuan Yang Dipertua, barangkali kalau Ahli Yang Berhormat melihat bahawa peruntukan tambahan yang diperolehi bagi kali ini adalah sebagai bayaran bantuan subsidi kepada MAS bagi tempoh 1hb April 1976 hingga 31hb Disember, 1981 kerana mengadakan Perkhidmatan Udara Luar Bandar yang tidak ekonomik

untuk penduduk-penduduk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Ini akan dipinta di dalam perbelanjaan tambahan bagi tahun 1982 ini. Perkhidmatan luar bandar bagi Sabah dan Sarawak adalah merupakan sebahagian daripada perkhidmatan dalam negeri, termasuk Semenanjung Malaysia dan pada keseluruhannya perkhidmatan dalam negeri ini adalah kurang lumayan ataupun kurang menguntungkan jika dibandingkan dengan perkhidmatan luar negeri (international service) bagi MAS.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak minta penjelasan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan saya singkat sahaja, kalau kita hendak beri subsidi ini, adakah bermakna perkhidmatan itu kurang baik?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, bukan bermakna perkhidmatan itu kurang baik, tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional mementingkan aspek sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar. Jadi kalau kita mengikut lunas-lunas commercial sepenuhnya, maka tidak dapat penduduk-penduduk luar bandar menaiki perkhidmatan MAS sebab kalau mengikut kos operasi dan lain-lainnya harganya begitu tinggi. Tetapi oleh kerana kita memerlukan ataupun hendak memberikan kemudahan ini maka terpaksalah Kerajaan memberi subsidi kepada mereka yang berkenaan. Jadi, apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa memandangkan adanya satu sistem penerbangan yang sebagaimana saya katakan tidak begitu lumayan dari segi penerbangan dalam negeri, maka bagaimanakah Kerajaan hendak menubuhkan sebuah lagi sistem

penerbangan bagi negara kita ini. Oleh kerana bagi menubuhkan sebuah sistem penerbangan yang baru ianya memerlukan pelaburan kewangan yang begitu tinggi. Dan di samping itu juga bahawa MAS adalah mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh menampung trafik yang ada di dalam negara kita ini dan dari masa ke semasa ianya mengambil langkah yang wajar untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi perkhidmatannya. Oleh itu, Kerajaan masih berpendapat bahawa MAS boleh menjalankan perkhidmatan-perkhidmatannya bagi dalam negeri dan tidak perlu buat sekarang ini menubuhkan lagi satu perkhidmatan yang sama seperti MAS juga dari negara kita ini. Akan tetapi, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa ada tempat-tempat yang mana oleh kerana tidak ekonomik ataupun tidak dapat kita adakan landasan-landasan yang boleh membenarkan kapal terbang-kapal terbang MAS mendarat hanya cuma cukup bagi helikopter, maka satu syarikat Malaysian Helicopters Services telah diwujudkan bertujuan juga memberi perkhidmatan kepada mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi, saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong dapat penjelasan sebenarnya mengenai perkara ini dan bolehlah tidur dengan nyenyak pada malam ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching sekali lagi menimbulkan tidak puas hatinya terhadap pembinaan lapangan terbang Kuching yang beliau menyatakan bahawa sama ada tarikh iaitu Julai tahun depan itu adalah satu tarikh yang muktamad bagi menyiapkan lapangan terbang Kuching, saya suka nyatakan ini adalah satu tarikh yang muktamad oleh kerana kerja-kerja yang sedang diperbuat oleh kontraktor yang berkenaan adalah memuaskan setakat ini.

Akan tetapi, ingin saya menjelaskan bahawa walaupun terminal bagi lapangan terbang Kuching itu akan siap dalam bulan Julai tahun hadapan akan tetapi landasannya sudahpun boleh dipergunakan oleh pesawat Airbus yang mana Yang Berhormat sedia maklum. Berkenaan dengan kontraktor yang pertama yang telah menjalankan kerja awal bagi lapangan terbang tersebut atau bagi bangunan terminal, Kerajaan telah sangat bertimbang rasa kepada beliau itu dan telah bersetuju memberi perbelanjaan tambahan oleh kerana disebabkan kontraktor yang berkenaan kekurangan modal dan juga kekurangan pengalaman. Tetapi apabila beliau meneruskan kerja-kerjanya dan meminta pula tambahan masa sekali lagi selain daripada tambahan kewangan, maka Kerajaan tidaklah dapat melayan permintaan beliau oleh kerana kalau dilayan sangat nanti apa yang kita hendak wujudkan sebagai Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah tidak akan dapat terlaksana.

Jadi untuk mempraktikkan konsep bersih, cekap dan amanah inilah maka kita telah menamatkan kontrak bagi kontraktor yang pertama dan seterusnya telah menandatangani semula untuk mendapatkan kontraktor yang kedua supaya kerja-kerja bagi membangunkan terminal itu akan dapat disiapkan dengan secepat mungkin. Jadi, kalau tidak ada usaha yang telah dibuat atau tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menamatkan kontrak yang pertama itu, mungkin dalam bulan Julai tahun hadapan pun terminal bagi Lapangan Terbang Kuching tidak akan dapat disiapkan.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan berkenaan dengan saguehati bagi mangsa-mangsa penerbangan MAS yang telah

mengalami kemalangan bagi Tanjung Kupang, ingin saya mengingatkan beliau bahawa di dalam peruntukan tambahan ini pihak Kementerian saya tidak ada meminta apa-apa peruntukan untuk membayar saguhati kepada mereka yang berkenaan. Namun demikian, perkara ini adalah dalam penyelesaian oleh syarikat insuran yang berkenaan.

Sekian sahaja, Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

6.32 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjawab apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang seolah-olah menuduh Kementerian Perusahaan Utama tidak mengambil langkah-langkah yang cukup untuk melindungi industri bijih timah dan beliau juga mencadangkan supaya ditubuhkan suatu pertubuhan yang serupa dengan OPEC bagi pengeluar-pengeluar bijih timah.

Ingin saya jelaskan Kementerian Perusahaan Utama memang memandang berat, bukan hanya mengambil langkah yang cukup tetapi memandang berat betul-betul atas kelemahan industri bijih timah daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa ini. Kementerian saya telah pun mengambil langkah-langkah tertentu bertujuan memulihkan industri bijih timah dan juga untuk membantu kerosakan perlombongan, khususnya para pekerja lombong dan juga tuanpunya-tuanpunya lombong.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Belanjawan Negara bagi tahun 1983 harga permulaan bagi cukai eksport timah diumumkan telah dinaikkan daripada paras M\$23.14 skg. kepada M\$26.4 skg. dengan tujuan untuk

mengurangkan kesulitan pengeluar-pengeluar timah akibat daripada kenaikan kos pengeluaran.

Selain daripada itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pengeluaran timah sebanyak 25% daripada pengeluaran biasa bagi memastikan bekalan timah di pasaran dunia tidak berlebihan dan dengan demikian harga timah dapat dipulihkan.

Malaysia juga sebagaimana kita sedia maklum menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa dan sekarang berusaha untuk mewujudkan sebuah pertubuhan pengeluar-pengeluar timah antarabangsa dan negosiati ataupun perbincangan mengenai pertubuhan itu sedang berlaku sekarang. Ini ialah bukti-bukti menunjukkan bahawa kita benar-benar berusaha untuk menentukan perusahaan bijih timah ini sentiasa dilindungi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan suatu pertubuhan seperti OPEC, sebenarnya bukan Ahli Yang Berhormat sahaja mencadangkan malah ramai lagi yang mencadangkan, tetapi kita mesti mengkaji sebelum kita menubuhkan sesuatu yang sama dengan satu pertubuhan yang berasaskan kepada pengeluaran perut bumi yang keperluannya lebih daripada hasil yang lain. Bentuk atau sifat minyak petroleum adalah lain daripada sifat bijih timah, taraf keperluannya pun lain. Malah selepas pertubuhan OPEC diwujudkan pun pada masa ini mereka menghadapi masalah yang dikatakan, Tuan Pengerusi, "oil glut" bila mana pengeluaran begitu banyak, hinggakan tercetus pertelingkahan ketidak-setujuan di kalangan ahli-ahli pengeluar minyak petroleum dan kita berhasrat untuk menentukan supaya pengeluaran-pengeluaran bijih timah ini sentiasa kukuh dan dihormati oleh pembeli-pembeli. Kita haruslah bertindak berasaskan kepada lojiknya

dan kepada kekesanan. Kita tidak boleh menubuhkan sesuatu semamata-mata dengan tujuan menubuhkan sesuatu sahaja, kita mesti menubuhkan sesuatu berasaskan kepada sebab-sebab yang tertentu, berasaskan pengalaman dan kita tidak harus meniru daripada pertubuhan-pertubuhan lain yang sekiranya kita gunakan pertubuhan itu sebagai suatu contoh maka kita akan terjerumus ke lembah kegagalan.

Jadi, saya rasa itulah sahaja apa yang ingin saya sentuh mengenai apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.36 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjawab dua tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Beliau telah menyentuh berkenaan dengan harga Mee Segera. Berhubung dengan harga Mee Segera yang tidak realistik di Sabah dan Sarawak yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Odit Negara 1977 telah pun selesai. Laporan yang terperinci ini telah dijalankan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan di bawah kuasa pentadbirannya dan kuasa itu tidak mempunyai sebarang kuasa perundangan (legal status). Walau bagaimanapun, ianya dapat meneliti sistem pembekalan catuan mentah kering di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan mengesan beberapa orang pegawai yang menguruskan sistem pembekalan ini.

Hasil daripada laporan terperinci ini dan kajian dokumen-dokumen yang berkenaan, jawatankuasa mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan

dalam sistem pengurusan pembekalan tersebut yang mana telah menyebabkan perbelanjaan yang begitu tinggi bagi pembekalan Mee Segera. Jawatankuasa telah membuat beberapa perakuan untuk mengatasi kelemahan yang telah dikenalpasti dan perakuan-perakuan ini telah diterima dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian. Oleh kerana bukti-bukti yang jelas dan nyata tidak kedapatan di dalam laporan ini maka sukarlah Kementerian saya untuk mengambil tindakan undang-undang yang berjaya terhadap pegawai-pegawai yang terlibat. Kita mesti adil jikalau hendak mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap pegawai-pegawai yang terlibat seperti kata legal maxim, justice must not only be done but must be seen to be done, melainkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mempunyai dua standard keadilan, standard yang tinggi untuk penyokong-penyokong dan ahli-ahli DAP dan standard keadilan yang serendah-rendahnya apabila pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan terlibat.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan kecurian minyak diesel di Kuantan, kajian ini telah disiasat oleh pihak polis dan tindakan mahkamah sedang diambil.

Berkenaan dengan Panhard, Kementerian Pertahanan telah menggunakan beberapa buah Panhard dengan penuh walaupun mulamulanya kita dapati sukar mendapat alat-alat ganti (spare parts) dari Perancis tetapi selepas beberapa bulan berlaku, maka syarikat tersebut telah mengiriskan pegawai-pegawai kejuruteraan mereka dan mekanik ke Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah itu. Oleh itu, tidak betul yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa pembaziran telah berlaku apabila Kementerian Pertahanan membeli 44 buah Panhard tersebut.

Sebenarnya hanya 6 buah kereta tersebut tidak dapat dipakai dan kita gunakan untuk di cannibalised 6 buah kereta ini dan spare partnya digunakan kepada kereta-kereta Panhard yang memerlukan alat-alat spare tersebut, maka tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak betul. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak ~~jumlah~~ tidak lebih daripada \$1,222,096,628 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1981, untuk menampung sejumlah \$750,502,703 bagi Maksud-maksud dan

Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$471,593,925 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok kita akan bersidang dalam Jawatankuasa. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat berucap tidak lebih daripada 15 minit kerana masa dihadkan di dalam Peraturan Mesyuarat untuk membincangkan perkara ini ialah 2 hari sahaja, jadi kita kena menghabiskan di dalam masa 2 hari itu. Oleh itu, saya pohonlah Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan ucapan masing-masing.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.43 petang.